



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 139

19 NOVEMBER 2022 / 1444 هـ 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان MANISNYA IMAN
"IAITU mereka (umat Islam) yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada mengerjakan yang mungkar.
Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS ROYAL AUDIENCE

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Tangkap Layar Hernie
Suliana Haji Othman, Muhammad
Asri Haji Awang Abas

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Royal Audience bersama Their Majesties King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaohayuhua, King of the Kingdom of Thailand dan Queen Suthida Bajrasudhabimalalakshana yang berlangsung di Chakri Maha Prasat Throne Hall, Bangkok.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan berangkat menghadiri Majlis Royal Audience bersama Their Majesties King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaohayuhua, King of the Kingdom of Thailand dan Queen Suthida Bajrasudhabimalalakshana yang berlangsung di Chakri Maha Prasat Throne Hall, Bangkok.

Menghasratkan rantau Asia-Pasifik mampan, inklusif



BANGKOK,
THAILAND, Jumaat,
18 November. -
Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat untuk menghadiri Sesi Retreat I Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022 yang berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC), Bangkok, Thailand.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke sesi berkenaan ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang

Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di QSNCC dialu-alukan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-O-Cha, selaku Pengerusi Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022.

>> Muka 3

Perutusan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman dan kerajaan serta rakyat Kesultanan Oman bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman.



Berita Utama




COP 27 fokus kerjasama lebih inklusif dalam perubahan iklim
Muka 9



AIITI, UTB meterai perjanjian
Kursus Kepimpinan
Muka 13



RENCANA
KESEJAHTERAAN kanak-kanak
adalah tanggungjawab bersama
Muka 28



SME360 platform kukuh kongsi amalan terbaik

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, saya berbesar hati untuk menyertai awda di sini hari ini, pada sesi terakhir Forum Siri SME360 BIBD pada Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Ekonomi (MYCE 2022), anjuran Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dianjurkan bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Siri SME360 pertama kali dilancarkan oleh BIBD pada Januari 2022, sebagai sebahagian daripada penjenamaan semula SME360, membina ekuiti jenama untuk perkhidmatan ini, mengukuhkan peranan mereka sebagai penyedia perkhidmatan dan memperluaskan sokongan tanpa henti terhadap Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME360 menyediakan platform yang kukuh dan menarik dengan rangkaian pihak berkepentingan, rakan sejawatan dan pakar untuk berkongsi amalan terbaik, membincangkan cabaran bersama dan mengenal pasti peluang untuk membina semula, dengan lebih kukuh dengan cara yang mampan.

Saya gembira apabila BIBD terus menjadi 'Partner in Progress' bagi PMKS, kerana siri ini dalam tempoh enam bulan yang lalu menyaksikan kehadiran lebih 2,000 peserta, disokong oleh lebih 170 penceramah, mewakili lebih 145 organisasi. Sesungguhnya, satu pencapaian yang diselaraskan dan dilaksanakan dengan baik, ketika kita bangkit kembali daripada

ancaman pandemik, dengan satu tujuan, iaitu untuk menyokong awda - komuniti perniagaan.

Tidak dinafikan bahawa PMKS memainkan peranan penting dalam ekonomi di kebanyakannya negara di seluruh dunia. PMKS adalah jentera untuk mewujudkan pekerjaan, perangsang kepada permintaan domestik dan persaingan, serta pemacu kepada pertumbuhan dan kemampaman ekonomi keseluruhan. Seperti yang dinyatakan oleh salah seorang ahli panel sebelum ini, PMKS mewakili kira-kira 90 peratus perniagaan, menyediakan lebih daripada 50 peratus pekerjaan di seluruh dunia.

Persekitaran perniagaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini agak mencabar untuk diperkatakan. Varian Coronavirus baharu dan sekatan pergerakan disebabkan wabak, telah mengehadkan kebanyakannya aktiviti ekonomi, yang menjadikan banyak PMKS disebabkan cabaran mendadak ini, mengalami kejatuhan ketara dalam hasil atau terpaksa menutup operasi secara kekal.

Di peringkat global, tindak balas ekonomi kerajaan terhadap wabak tersebut, merangkumi pelbagai langkah yang bertujuan membantu perniagaan kecil mengharungi cabaran. Pendigitalan dan jualan dalam talian telah membantu meningkatkan pendapatan untuk beberapa PMKS, tetapi tidak semua perniagaan termasuk PMKS bertahan semasa wabak.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), 97.3 peratus daripada perusahaan Brunei terdiri daripada PMKS yang memainkan peranan yang semakin penting semasa kita menuju ke

arah kepelbagaian ekonomi. Sesungguhnya, di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam, semua aspirasi menuju ke arah penanaman dan kemajuan PMKS kita.

Di bawah aspirasi ini, kami mahu perniagaan kita dapat dikekalkan, berkembang dan bersaing dengan meneroka pasaran dan peluang baharu - memanfaatkan teknologi dan inovasi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Darussalam Enterprise (DARe) sedang menyediakan infrastruktur dan program sokongan yang relevan kepada PMKS kita dari permulaan hingga pertumbuhan. Matlamat kami adalah agar PMKS dapat meningkatkan produktiviti mereka, meningkatkan daya saing dan menembusi pasaran antarabangsa; dengan menemui aktiviti dan peluang ekonomi baharu khususnya dalam lima sektor keutamaan iaitu perkhidmatan Minyak dan Gas Hilir, Makanan, Pelancongan, Infokomunikasi dan Teknologi (ICT).

Walaupun 2021 diharapkan menjadi tahun pemulihan bagi ekonomi NBD, malangnya kita dilanda gelombang kedua wabak tersebut pada awal Ogos 2021.

Di seluruh dunia, wabak tersebut mendedahkan kelemahan banyak PMKS, dan perniagaan tempatan kita turut menghadapi situasi yang sama. Tinjauan firma yang dijalankan oleh DARe pada Ogos 2021 mendedahkan banyak PMKS berpengalaman dalam isu-isu kemampaman



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap semasa penutup Musim Akhir Forum SME360, yang dianjurkan oleh BIBD di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Jumaat, 1 Julai 2022.

Terjemahan oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

perniagaan yang besar. Lebih separuh daripada firma yang ditinjau, kerugian pendapatan yang diunjurkan sekurang-kurangnya 50 peratus, dengan 35 peratus menunjukkan lebih daripada 80 peratus kerugian hasil. Di samping itu, hampir 70 peratus mempunyai aliran tunai bernilai kurang daripada tiga bulan.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG											
NOVEMBER	MASIH	RABIULAKHIR	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
19	SABTU	24	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15	
20	AHAD	25	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15	
21	ISNIN	26	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.02	7.16	
22	SELASA	27	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16	
23	RABU	28	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16	
24	KHAMIS	29	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16	
25	JUMAAT	1	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17	
JAMADILAWAL											

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	25 °C	24 °C
Pekan Bangar		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	25 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	25 °C	24 °C
Kuala Belait		
30 °C	32 °C	31 °C
24 °C	25 °C	24 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
www.met.gov.bn		

SIDANG PENGARANG 19 NOVEMBER 2022

Jaga kesihatan mata awda

DIABETES adalah sejenis penyakit yang tidak dapat diubati dan tergolong dalam Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit atau NCDs, tetapi Diabetes masih boleh dikawal jika kita mengambil makanan, minuman dan mempraktikkan penjagaan kesihatan yang seimbang.

Apabila Diabetes tidak dikawal dengan baik, ia boleh mendatangkan pelbagai komplikasi kepada penghidapnya, antaranya adalah kerosakan mata. Jika seluruh struktur mata awda rosak, maka ia boleh mengakibatkan terjadinya ulser mata atau katarak atau glaucoma atau retinopati.

Apa dia ulser mata? Ulser mata berlaku apabila luka dijangkiti kuman hingga menjadi ulser. Katarak pula ialah apabila kanta mata awda menjadi keruh hingga pandangan awda menjadi kabur. Manakala glaucoma adalah tekanan tinggi di dalam bebola mata; dan retinopati adalah kerosakan pada urat mata atau retina awda.

Diabetes boleh menyebabkan salur darah rosak dan darah akan menjadi pekat hingga aliran darah di dalam badan menjadi sangat perlahan. Kerosakan pada salur darah akan menyebabkan organ-organ penting di dalam badan awda mengalami masalah kekurangan bekalan oksigen. Kekurangan bekalan oksigen pada organ mata akan menyebabkan kerosakan pada retina, dikenali sebagai retinopati, iaitu penyakit pada retina.

Oleh itu, para penghidap Diabetes dinasihatkan untuk melakukan pemeriksaan mata sebaik sahaja disahkan menghidap Diabetes walaupun penglihatan masih baik dan tidak terjejas.

Jika mata awda masih dalam keadaan baik dan normal, pemeriksaan berkala harus dilakukan secara berterusan, tetapi jika sebaliknya, maka lakukanlah perjumpaan serta patuhilah saranan doktor mata awda dari semasa ke semasa.

Ini adalah bagi memastikan kesihatan mata awda sentiasa dalam keadaan yang baik dan apa-apa tindakan awal dapat diambil dalam sama-sama memastikan kesihatan mata awda.

Jangan biarkan masalah mata awda berlarutan, jumpalah doktor dan dapatkan rawatan awal yang bersesuaian serta berpatutatan. Jangan biarkan penglihatan awda kabur dan bertambah buruk, Jangan biar pancaindera awda rosak kerana kelalaian awda sendiri.

Tidak dinafikan perasaan takut sering saja menyelubungi hati dan perasaan kita apabila hendak berjumpa doktor. Pelbagai imaginasi akan bermain di fikiran hingga bacaan tekanan darah juga turut melonjak tinggi kerana perasaan takut, gusar atauuri.

Jangan biar perasaan takut, gusar atauuri menguasai kita. Sememangnya semua itu adalah lumrah bagi semua. Namun kita perlu berani dalam berusaha dan mencari ubat atau penawar pada penyakit yang ada. Maka positiflah dalam menjalani segalanya. Berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah Yang Maha Menyayangi hamba-Nya.

Tidak dinafikan mendengar saja perkataan hospital atau klinik disebut, ada perasaan yang timbul menyebabkan takut, namun apabila perasaan takut, gusar atauuri dapat dikawal dan dilarut, insyaAllah segala urusan dapat dilaksana dengan lancar dalam usaha berubat tersebut.

Apabila ada masalah mata, jangan dibiar ia menjadi isu membenggu awda, tindakan awal dan cepat dapat membantu awda, selamatkan mata dan pancaindera awda, sayangi mata dan hargai kurnia-Nya kepada awda, mata adalah kurniaan Allah yang amat berharga, hargai dan jagalah kesihatan mata awda sebaiknya. - Ketua Penyuntingan (Nb).

Berkenan berangkat ke Majlis Royal Audience

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Tangkap Layar Hernie Suliana Haji Othman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Sejurus berangkat tiba di Chakri Maha Prasat Throne Hall, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan oleh The President of the Privy Council, Tuan Yang Terutama Jeneral Surayud Chulanont dan isteri. Baginda kemudiannya menyertai Ketua-ketua Ekonomi APEC bagi Majlis Royal Audience bersama His Majesty the King of the Kingdom of Thailand dan Her Majesty the Queen.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Her Royal Highness Princess Sirivannavari Nariratana

Rajakanya.

Ketua-ketua Ekonomi APEC berada di Bangkok untuk menghadiri AELM yang Ke-29 pada 18 dan 19 November 2022. Para Ketua Ekonomi APEC telah bersidang di Sesi Retreat I (Pertama) pada sebelah pagi tadi dan akan meneruskan mesyuarat bagi Sesi Retreat II (Kedua) pada esok hari.

Thailand selaku Pengurus APEC telah menghoskan AELM sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1992, 2003 dan 2022. Mesyuarat AELM pada tahun ini merupakan mesyuarat pertama ia diadakan semula secara fizikal pasca-COVID-19.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Royal Audience bersama Their Majesties King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, King of the Kingdom of Thailand dan Queen Suthida Bajrasudhabimalalakshana yang berlangsung di Chakri Maha Prasat Throne Hall, Bangkok. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

MENGHASRATKAN RANTAU ASIA-PASIFIK MAMPAH, INKLUSIF



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat I Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022 yang berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center (QSNCC), Bangkok, Thailand (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Kebawah DYMM bersama dengan Ketua-ketua Ekonomi seterusnya menghadiri Sesi Retreat I yang membawa tema 'Balanced, Inclusive and Sustainable Growth'.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand.

Semasa Sesi Retreat berkenaan, Kebawah DYMM dan para Pemimpin APEC yang lain membincangkan pelbagai isu kerjasama dan bertukar-tukar pandangan tentang pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama serta hubungan luar dan hala tuju APEC.

Semasa sesi berkenaan,



Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah di mana baginda menyatakan bahawa tema APEC pada tahun ini, 'Open. Connect. Balance.' adalah selaras dengan Putrajaya Vision 2040, dengan Ketua-ketua Ekonomi APEC menghasratkan rantau Asia-Pasifik mencapai pertumbuhan yang kukuh, seimbang, selamat, mampan dan inklusif; ini menunjukkan keazaman APEC dalam pemulihan secara lebih mendalam pasca COVID-19.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) menyokong kepimpinan Thailand dalam pelaksanaan Bangkok Goals on Bio-Circular-Green (BCG) sebagai modal perniagaan ekonomi dalam memajukan lagi

objektif kemampunan APEC. Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa kerjasama dalam menyediakan ekosistem yang menggalakkan, pembaharuan pasaran yang bersesuaian dan pemindahan teknologi dalam APEC, serta penyelidikan bersama dalam forum lain, seperti melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN yang akan ditempatkan di NBD, adalah penting.

Baginda kemudian bertitah menekankan bahawa APEC Economic Technical Cooperation (ECOTECH) mesti kekal sebagai tonggak penting dalam APEC sebagai asas untuk membangunkan keupayaan institusi yang lebih kukuh dan mewujudkan lajuan kepada pertumbuhan yang mampan dan inklusif serta ke arah menuju



United Nations (UN) Sustainable Development Goals dan mencapai pelepasan net zero menjelang 2050.

Sesi Retreat II dengan tema 'Sustainable Trade and Investment' dijadualkan diadakan esok pagi di tempat yang sama.

SIAP SIAGA TERHADAP KRISIS MASA DEPAN, KEDAYATAHANAN PERNIAGAAN



BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 18 November. - Tahun 2022 merupakan tahun yang bermakna bagi Centrality ASEAN, dengan kejayaan-kejayaan yang diperlihatkan oleh Kerajaan Kembuja sebagai Pengerusi ASEAN; Republik Indonesia sebagai Pengerusi G20, dan pada masa ini, APEC yang dipengerusikan oleh Kerajaan Thailand.

Kejayaan Sidang-sidang Kemuncak berkenaan telah menunjukkan komitmen ASEAN dalam kerjasama di rantau Indo-Pasifik dan seterusnya dalam membentuk *architecture* serantau yang inklusif dan terbuka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke APEC Leaders' Informal Dialogue with Guests.

Darussalam bertitah demikian ketika berkenan berangkat ke APEC Leaders' Informal Dialogue with Guests.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Baginda seterusnya bertitah mengiktiraf peranan yang

dimainkan oleh Tetamu-tetamu Khas Pengerusi, iaitu sebagai Pengerusi Kesatuan Eropah dan Pengerusi Gulf Cooperation Council.

Negara Brunei Darussalam tegas Kebawah DYMM menekankan kepentingan mencari pendokong atau *complementarities* dalam pelbagai usaha pemulihran ekonomi yang berterusan, serta dalam meningkatkan kesiapsiagaan terhadap krisis masa depan dan kedayatahanan

perniagaan.

Dalam mengakhiri titah, baginda mengiktiraf kepelbagaiannya rakan kongsi di luar APEC dalam perkongsian amalan terbaik, kerjasama teknikal dan pemindahan teknologi dan dalam menggabungkan sektor kerajaan dan swasta bersama-sama melaksanakan pembaharuan perdagangan yang bermakna secara komersial, dengan menjadikan perdagangan antarabangsa lebih mudah, cepat dan secara *cost-effective*.

Sesi Dialog yang membawa tema 'Promoting Sustainable Trade and Investment between APEC and its Trading Partners' berkenaan turut dihadiri oleh Tetamu-tetamu Khas Pengerusi, iaitu His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi; dan Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron.

NBD, Kerajaan Arab Saudi terus kukuhkan hubungan dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala

bersama His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi.

Mesyuarat berkenaan berlangsung di Queen Sirikit National Convention Center, Bangkok.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa mesyuarat berkenaan, Kebawah DYMM dan His Royal Highness Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi antara lainnya berbincang mengenai pelbagai perkara yang menjadi kepentingan bersama dalam mengukuhkan hubungan dua hala yang sekian lama

terjalin.


Kebawah DYMM juga berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi, berikut dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi yang baharu pada 27 September 2022.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah DYMM berkesempatan mengundang His Royal Highness Putera Mahkota dan Perdana

Menteri Kerajaan Arab Saudi untuk mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD); dan pada masa yang sama, His Royal Highness menjunjung Kebawah DYMM dan kerabat diraja berangkat ke Arab Saudi bagi mengerjakan ibadah Umrah.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Kerajaan Arab Saudi telah dijalankan pada 1 Julai 1987, dan kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang rapat dan mesra melalui kerjasama dalam bidang hal ehwal ugama dan haji.

Terokai peluang kerjasama secara meluas



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANGKOK, THAILAND, Jumaat, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

Communist Party of China (CPC) pada 25 Oktober 2022.

Semasa mesyuarat berkenaan, Kebawah DYMM bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) menghargai hubungan yang telah lama terjalin dengan Republik Rakyat China.

Baginda seterusnya bertitah bahawa kedua-dua buah negara akan menyambut 5th Year of Strategic Cooperative Partnership pada tahun 2023, dan menyatakan hasrat untuk meneroka pelbagai peluang kerjasama bersama secara meluas.

Hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara berkenaan terus mengukuhkan pelbagai usaha kepelbagaian ekonomi NBD, yang telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran rakyat.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Rakyat China telah dijalinkan pada 30 September 1991, dan kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang rapat dan mesra melalui kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertanian dan perikanan, pertahanan, pendidikan, hubungan antara rakyat, pelancongan dan kebudayaan, belia dan sukan.

Hubungan NBD dan Republik Rakyat China telah dinaik taraf kepada Strategic Cooperative Partnership semasa Lawatan Negara Presiden Xi Jinping ke NBD pada 19 November 2018.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas), manakala gambar kanan, sekitar Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China yang berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Bangkok.



BERANGKAT HADIRI MAJLIS SANTAP MALAM GALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala Ketua-ketua Ekonomi APEC yang dihoskan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-O-Cha, selaku Pengerusi Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala Ketua-ketua Ekonomi APEC yang dihoskan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-O-Cha, selaku Pengerusi Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022.

>> Muka 6



>> Muka 5

Majlis berkenaan diadakan di Royal Thai Navy Hall, Bangkok, Thailand.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand dan isteri.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM menyertai Tuan Yang Terutama dan Ketua-ketua Ekonomi APEC yang lain bagi sesi bergambar ramai sebelum

menghadiri Majlis Santap Malam Gala.

Majlis Santap Malam Gala dimulakan dengan ucapan daripada TYT Perdana Menteri Thailand bagi mengalu-alukan kehadiran para Ketua-ketua Ekonomi APEC dan delegasi yang menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC 2022.

Majlis berkenaan telah diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala Ketua-ketua Ekonomi APEC.



BERANGKAT TIBA DI BANGKOK, THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Bangkok, Thailand bagi menghadiri The 29th APEC Economic Leaders' Meeting (AELM), pada 18 dan 19 November 2022. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat tiba di Bangkok, Thailand bagi menghadiri The 29th APEC Economic Leaders' Meeting (AELM), pada 18 dan 19 November 2022.

Berangkat mengiringi Kebawah



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam di Terminal Udara Don Mueang dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prawit Wongswan.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

Mesyuarat AELM tahunan pada kali ini diadakan secara fizikal untuk meningkatkan visi strategik dan arah tuju bagi kerjasama di rantau Asia-Pasifik.

Di bawah tema APEC 2022, iaitu 'Open. Connect. Balance.', dalam meneruskan usaha mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan mampan pasca-COVID-19,

perbincangan telah diteruskan bagi mempermudahkan perdagangan serta pelaburan yang terbuka; menambah baik persekitaran perniagaan; memajukan integrasi ekonomi serantau; memulihkan kesalinghubungan dengan menyambung semula perjalanan rentas sempadan; menggiatkan semula Sektor-sektor Pelancongan dan Perkhidmatan; memudah cara pergerakan perniagaan (*business mobility*); dan meningkatkan pelaburan dalam keselamatan kesihatan; serta memastikan matlamat ekonomi dicapai secara inklusif dan berdaya tahan.

Antara inisiatif-inisiatif yang diketengahkan oleh pihak Thailand selaku Pengerusi APEC 2022 adalah konsep Bio-Circular-Green (BCG) Economy, yang telah diperkenalkan ke dalam naratif APEC sebagai strategi pertumbuhan pasca-pandemik, di mana sains, inovasi dan teknologi digunakan bagi pendekatan yang lebih holistik serta seimbang, dalam memajukan matlamat ekonomi, alam sekitar dan sosial, di rantau Asia-Pasifik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen beramah mesra bersama rakyat warga Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand.

BERANGKAT KE BANGKOK, THAILAND

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad / Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Bangkok, Thailand bagi menghadiri The 29th APEC Economic Leaders' Meeting (AELM), yang akan berlangsung pada 18 dan 19 November 2022. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Bangkok, Thailand bagi menghadiri The 29th APEC Economic Leaders' Meeting (AELM), yang akan berlangsung pada 18 dan 19 November 2022.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan Mufti Kerajaan, Yang

Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kanan), manakala gambar bawah, sebelum Kebawah DYMM berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berada di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba.

HBY : MENGUKUHKAN PORTFOLIO PERNIAGAAN PENGUSAHA TEMPATAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Hari Bakarikh Yayasan (HBY). Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Timbalan Pengurusi Lembaga Pengarah YSHHB (kiri dan kiri sekali).



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika bergambar ramai. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 November. - Hari Bakarikh Yayasan (HBY), iaitu platform perniagaan bagi

memperkenalkan pelbagai produk yang dihasilkan oleh para Usahawan Bakarikh Yayasan (UBY), dibukakan untuk kunjungan

orang ramai bermula 17 hingga 27 November 2022 di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Aktiviti perniagaan berkenaan dijalankan bermula pada jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam kecuali Sabtu, bermula pada jam 3.00 petang.

HBY merupakan inisiatif YSHHB bagi menyediakan ruang strategik sebagai sokongan kepada para pengusaha tempatan dalam mengukuhkan portfolio perniagaan mereka dan meluaskan rangkaian pemasaran produk mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan HBY, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah YSHHB,

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengurusi Lembaga Pengarah YSHHB; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku

Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan, jemputan khas serta pegawai dan kakitangan YSHHB.

Seramai 24 peserta UBY yang mengusahakan pelbagai perusahaan mengambil bahagian pada aktiviti jualan berkenaan.

UBY melibatkan para pengusaha yang dilahirkan melalui program bantuan modal perusahaan atau perniagaan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan YSHHB.

Program dan bantuan perusahaan berkenaan adalah selaras dengan salah satu Matlamat Strategik (Strategic Goals-SG) YSHHB, iaitu Mendukung Pencapaian Taraf Saraf Diri, bagi mendukung usaha kerajaan membantu meningkatkan tahap sara diri golongan sasar melalui Program Keusahawanan agar mereka mampu berdikari meningkatkan potensi diri dan mampu meningkatkan taraf kehidupan keluarga.

HBY turut disertai oleh 14 pengusaha terdiri daripada para penerima bantuan di bawah Program Pemerkasaan Keusahawanan, dikendalikan oleh pelbagai agensi yang juga merupakan rakan strategik YSHHB, iaitu BIBD SEED; Konsortium Muallafpreneurs; PROPAZ; dan Jabatan Penjara.

Turut diadakan pada hari berkenaan ialah pelbagai pameran yang membarigakan maklumat mengenai sumbangan dan bantuan YSHHB; peranan dan aktiviti sukarelawan YSHHB; serta Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB.

Selain daripada aktiviti jualan dan pameran, pelbagai aktiviti menarik juga turut disediakan bagi para pengunjung termasuk Fun Fair, Kempen Derma Darah, pemeriksaan kesihatan, memanah, dan peraduan mewarna.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir memeriahkan HBY bagi menyokong para pengusaha yang terdiri daripada golongan sasar Yayasan yang Mau Bakarikh, Sanggup Bajarih Untuk Balurih.

YSHHB ditubuhkan sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Senarai kursus Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah DYMM 2023/2024

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Kementerian Pendidikan sukcitai memaklumkan bahawa senarai kursus yang akan ditawarkan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri (umum) dan senarai kursus serta terma dan syarat Skim

Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sesi Akademik 2023 / 2024 telah dikeluarkan, hari ini.

Permohonan bagi kedua-dua skim berkenaan akan dibukakan pada sekitar bulan Januari 2023 melalui laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan.

Syarat-syarat dan senarai kursus-kursus bagi kedua-dua skim berkenaan juga boleh dimuat turun dengan melayari

laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan: www.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara berkenaan bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui talian +673 2380019 (pejabat) pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang atau e-mel: scholarship@moe.gov.bn.

COP 27 FOKUS KERJASAMA LEBIH INKLUSIF DALAM PERUBAHAN IKLIM



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam menyampaikan kenyataan.

REPUBLIK ARAB MESIR, Rabu, 16 November. - Sesi Ke-27 Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP 27) diadakan pada 6 - 18 November 2022, di Sharm El-Sheikh, Republik Arab Mesir.

Negara Brunei Darussalam mengongsikan Kenyataan Kebangsaan dan Kenyataan Bersama ASEAN sebagai Pengurus ASEAN 2021 mengenai Perubahan Iklim, pada COP 26, di United Kingdom tahun lalu.

Kenyataan tersebut, termasuk pelancaran Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam melalui 10 strategi utama, penyampaian 'Nationally Determined Contributions (NDC)' bagi pengurangan sebanyak 20 peratus dalam pelepasan gas rumah hijau negara menjelang 2030 dan peningkatan hasrat iklim melalui peralihan tenaga serta pemeliharaan hutan menuju ke arah Sifar Bersih (Net Zero) menjelang 2050. Pada tahun ini,

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

COP 27 memfokuskan pada kerjasama perubahan iklim yang lebih inklusif berdasarkan peraturan substantif selaras dengan sains dan teknologi terkini.

Republik Arab Mesir selaku Tuan Rumah dan Presiden COP 27 berazam untuk mempercepatkan tindakan iklim global melalui pengurangan pelepasan, peningkatan usaha adaptasi dan peningkatan aliran kewangan yang disesuaikan bagi tindakan pemulihian bagi kerosakan yang disebabkan oleh impak perubahan iklim global.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Ahli Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam menyampaikan kenyataan Negara Brunei Darussalam bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa High Level Segment pada 15 November 2022.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam pada persidangan kali ini memberi peluang kepada Negara Brunei Darussalam untuk mengongsikan komitmen negara di peringkat antarabangsa.

Salah satu daripada inisiatif tersebut, termasuk pelancaran Direktif Laporan Mandatori pada penghujung Tahun 2022, di mana semua pihak-pihak yang berkepentingan perlu melaporkan pelepasan gas rumah hijau masing-masing kepada Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Direktif ini diharap menjadi asas dalam meningkatkan keberkesanan jangka panjang dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau negara.

Antara inisiatif Negara Brunei Darussalam di peringkat ASEAN adalah penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change - ACCC), yang berpusat di Negara Brunei Darussalam.

Pusat tersebut dirancang untuk berfungsi sebagai badan pemikir, hab pengetahuan, penyelaras strategik dan penyepadan inisiatif serta aktiviti tindakan iklim di rantau ASEAN.

Selain itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC) juga memberi sokongan kepada Negara Brunei Darussalam dan Negara Filipina selaku Ketua Bersama dalam membangun Rangka Kerja bagi Strategi Kewangan Iklim ASEAN (ASEAN Climate Finance Strategy).

Projek ini melibatkan perwujudan platform dan rangka kerja bagi memudahkan akses kewangan bagi negara-negara membangun berasaskan keperluan (Needs Based Finance - NBF) bagi pembiayaan projek-projek mitigasi dan kedadawatan iklim.

Negara Brunei Darussalam berpeluang menyampaikan pencapaian dan tindakan perubahan iklim dalam Kenyataan Kebangsaan semasa persidangan COP 27. Ia merupakan sebahagian dari pendekatan menyeluruh negara di peringkat antarabangsa dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, bagi memastikan kualiti hidup dan ekonomi yang mampan.

Menyertai rombongan, Setiausaha Tetap (Wawasan) Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad dan

Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya selaku

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.



کمترین کواغن دن ایکوزومی
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

JEMPUTAN UNTUK KOMEN AWAM BAGI DERAJ PIAWAI SOS CILI

TARIKH TUTUP: 15HB DISEMBER 2022

PBD XX:2022 BRUNEI STANDARD FOR CHILI SAUCE

Piawai ini digunakan untuk produk sos cili bagi penggunaan langsung, termasuk untuk tujuan catering atau untuk pembungkusan semula, jika diperlukan. Ini tidak termasuk sos cili yang akan digunakan untuk pemprosesan lanjut. Piawai ini juga ditubuhkan sebagai garis panduan untuk piawaian industri bagi pengeluaran sos cili di Negara Brunei Darussalam, yang selaras dengan Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggal 182), (Pindaan) 2020, dan Peraturan-Peraturan dibawahnya dalam penentuan kualiti bahan mentah, bahan tambahan makanan, kontaminan, kebersihan, pembungkusan, label serta Analisa bagi produk makanan yang telah dinyatakan. Pihak yang berminat dan/atau sektor boleh menghantar komen mereka melalui

<https://www.mofe.gov.bn/SitePages/Public%20Comment.aspx>

HALUAN

SME360 platform kukuh kongsi amalan terbaik

>> Muka 2

Sebagai tindak balas kepada perkara ini, alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan pelbagai rangsangan ekonomi dan langkah-langkah bantuan, bertujuan untuk mengurangkan kesan wabak ke atas kedua-dua perniagaan dan isi rumah, dengan tumpuan untuk melindungi pekerjaan untuk penduduk tempatan di sektor swasta dan kesinambungan aktiviti ekonomi. Sebagai contoh, kami memastikan pengimpor makanan terlibat untuk melaksanakan mekanisme pemantauan di seluruh negara ke atas barang makanan penting dan menyediakan sokongan untuk meningkatkan tahap stok. Bagi memastikan bahawa kita mempunyai bekalan makanan penting yang mencukupi dan mengekalkan kos pada tahap yang kompetitif.

Kini, dengan lebih 95 peratus penduduk menerima

sekurang-kurangnya dua dos vaksinasi COVID-19, semakin banyak aktiviti ekonomi dibenarkan untuk disambung semula secara beransur-ansur memandangkan keadaan pandemik tempatan sudah terkawal.

Memandangkan kita melihat senario yang sama di peringkat global dan dengan penyambungan semula secara beransur-ansur perjalanan udara antarabangsa dan penarikan sekatan termasuk sempadan darat, perniagaan mula memikirkan pemulihian kembali, dan lebih khusus dikenali sebagai pemulihian hijau, memfokuskan pada membina semula dengan lebih baik dan lebih bersih, untuk menyumbang kepada agenda kemampunan global.

Perniagaan yang lebih kecil mungkin tertanya-tanya bagaimana kita boleh menyumbang kepada agenda kemampunan global? Semasa COVID-19 yang menyebabkan banyak PMKS terjejas, terdapat sedikit insentif untuk menjadi hijau. Tetapi pemikiran ini boleh dan mesti berubah. Tidak kira saiz

perniagaan awda, rentak ke arah kemampunan semakin pantas.

PMKS memainkan peranan penting dalam melindungi alam sekitar kita. Memandangkan banyak perniagaan kecil membentuk sebahagian daripada rantaian bekalan perniagaan yang lebih besar, komitmen terhadap perniagaan yang mampan, menjadi penyumbang secara positif kepada rantaian bekalan mereka dengan mengurangkan keseluruhan jejak karbon mereka.

Menjadi lebih mampan juga membezakan perniagaan awda, mewujudkan nilai dan reputasi jenama dan menggalakkan. Keutamaan pengguna pada masa kini telah berubah sebagai tindak balas kepada krisis kesihatan global, dan permintaan untuk perniagaan yang lebih mementingkan alam sekitar semakin mendapat perhatian.

Bagi PMKS yang ingin menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar daripada diri mereka sendiri, NBD adalah salah sebuah negara penandatangan kepada Matlamat Pembangunan Mampan

2030 atau SDG yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2015. Ia merupakan rangka kerja global yang komprehensif untuk kemampunan. Berakar kepada nilai Maqasid Shariah kami sebagai rujukan mengenai objektif kemampunan dan pemeliharaan, awda boleh mengintegrasikannya dengan penggunaan SDG sebagai panduan untuk membangunkan strategi untuk menerapkan kemampunan ke dalam model perniagaan, operasi dan budaya awda.

Menanamkan kemampunan ke dalam amalan perniagaan awda tidak perlu menyertakan baik pulih yang mahal bagi proses sedia ada awda. Dilakukan dengan bijak dan dengan niat yang jelas, membangunkan program kemampunan bermakna meletakkan persekitaran organisasi awda dan kesan sosial pada ruang yang sama dengan kemampuan kewangan.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada

BIBD dan semua yang terlibat atas inisiatif di bawah Siri SME360, dalam mewujudkan platform ini untuk memimpin pemikiran, pemain industri dan pihak berkepentingan untuk berkongsi dan memberi inspirasi kepada perubahan.

Pada penutup Siri Forum SME360 Ke-51 hari ini, ingatlah bahawa tidak kira saiz perniagaan awda, jangan sekali-kali memandang rendah impak yang boleh awda lakukan. Menyelamatkan dunia tidak akan berlaku dalam sekilip mata tetapi awda boleh mulakan sekarang dengan membuat perubahan kecil dan mampan dalam ekosistem perniagaan awda. Saya tegaskan kepada awda untuk meneroka dan memohon inisiatif dalam organisasi awda sendiri dan mempengaruhi orang di sekeliling awda untuk melakukan perkara yang sama.

Terima kasih.
Wabillahit Taufiq Walhidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

11.1 peratus penduduk menerima 4 dos vaksin



Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 18 November. - Sebanyak 531 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 245,971.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini,

dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala satu kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 18 November 2022, sebanyak

NASIONAL

592 kes disahkan sembahuh

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 17 November. - Sebanyak 592 kes disahkan sembahuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat menjadi 245,440.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh

Kementerian Kesihatan hari ini, enam kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tidak ada kes dicatatkan di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 86.5

peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.9 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

COVID-19 : Tiada kes dalam Kategori 5

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 16 November. - Sebanyak 622 kes disahkan sembahuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 244,848.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, empat kes berada

di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala tiada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Sementara itu, dua kes telah dilaporkan meninggal dunia.

Bagi Program Vaksinasi setakat

16 November 2022, sebanyak 86.5 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.9 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

86.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.9 peratus remaja

berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk

negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني قنرغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

BERTUKAR PANDANGAN TINGKATKAN PROGRAM ECCE BERKUALITI

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK UZBEKISTAN, Khamis, 17 November. - Persidangan Dunia Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Early Childhood Care Education - ECCE) Kali Ke-2 diadakan di Tashkent, Republik Uzbekistan, bermula 14 hingga 16 November.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menghadiri persidangan tersebut, dianjurkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Prasekolah, Uzbekistan.

Seramai lebih kurang 70 Menteri Pendidikan dan 2,500 peserta dari lebih daripada 150 buah negara menghadiri persidangan berkenaan.

Semasa persidangan berkenaan, Presiden Republik Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Shavkat Mirziyoyev turut menyampaikan ucapan alu-aluan, di mana beliau menekankan

keperluan dalam menyatukan usaha, dalam meningkatkan kerjasama antarabangsa ke arah pembentukan penyelesaian bersama dan pendekatan sistemik bagi ECCE.

Tuan Yang Terutama juga mengongsikan, bahawa pihak Uzbekistan meletakkan kepentingan yang sangat tinggi pada penjagaan dan sokongan praktikal untuk golongan muda serta kanak-kanak agar mereka menjadi generasi yang sihat dan matang dari segi kerohanian.

Semasa persidangan tersebut, para menteri, pegawai kanan dan pihak berkepentingan bertukar-tukar pandangan serta idea mengenai pemboleh-pemboleh utama (*key enablers*), hasil-hasil penyelidikan, amalan-amalan terbaik dan inovasi-inovasi yang dilaksanakan ke arah peningkatan dasar-dasar serta program-program ECCE yang berkualiti.

Persidangan berkenaan juga mengenal pasti peluang, membentuk dan membuat

on Early Childhood Care and Education



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menghadiri Persidangan Dunia Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Early Childhood Care Education - ECCE) Kali Ke-2 diadakan di Tashkent, Republik Uzbekistan.

persetujuan tentang bidang-bidang utama serta strategi, dalam mempercepatkan kemajuan dan meningkatkan pelaburan dalam ECCE di pihak kerajaan serta rakan kongsi.

Persidangan juga turut menyaksikan pengesahan 'Rangka

Kerja Tashkent untuk Tindakan' yang mengandungi prinsip utama ke arah transformasi ECCE, berdasarkan hasil daripada perundingan-perundingan, yang diadakan di peringkat serantau dan penemuan-penemuan dari pelbagai perundingan semasa

Persidangan Dunia mengenai ECCE.

Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa persidangan tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan.

217 pelajar IBTE berjaya tamatkan PJD



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelatih terbaik.

TEMBURONG, Khamis, 17 November. - Belia adalah aset yang amat berharga dan merupakan tonggak serta kekuatan masa depan bagi sesebuah negara.

Mereka ini mempunyai tanggungjawab yang besar bagi mewarisi negara dan kepimpinannya pada masa depan.

"Saya percaya cabaran yang dihadapi oleh para pelajar pada masa akan datang akan menjadi lebih mencabar berbanding dengan keadaan beberapa tahun lalu.

"Saya menyeru para belia agar

sentiasa bersiap siaga dengan pelbagai langkah yang lebih berhati-hati, wajar dan proaktif," tekan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad ketika berucap pada Majlis Penutup Program Jati Diri (PJD) Kohort 1 yang berlangsung di Kem Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong hari ini.

Menurut Yang Berhormat, PJD bagi para pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) berkenaan adalah julung-julung kali ia diadakan dengan bertujuan

bagi menanam semangat positif dan membangun serta membentuk para pelajar untuk menjadi orang yang beriman, berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan berwibawa yang menjadi asas untuk membantu mereka meraih kejayaan dalam kehidupan.

"Alhamdulillah, dengan tamatnya PJN ini, para pelajar sudah bersedia dari segi fizikal, mental dan emosi apabila melangkah ke alam pekerjaan yang semakin mencabar bahkan para pelajar telah dilengkapi dengan pelbagai ciri yang terpuji seperti keyakinan diri, semangat berdikari serta sentiasa berusaha lebih gigih untuk menjadi insan yang berkualiti dan berguna untuk bangsa dan negara.

"Dengan pelbagai ciri yang telah ditanamkan sepanjang tempoh latihan, saya yakin ia akan melahirkan bakal tenaga kerja yang berkualiti tinggi, seorang mukmin yang berdaya tahan (*resilient*) dan penuh integriti, berkemahiran, berpengetahuan, kreatif serta inovatif," terang Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menasihatkan kepada para pelajar agar sentiasa terus mengamalkan pelbagai nilai diri positif dan nilai kerohanian yang telah dipelajari dan ditanamkan agar lebih berdaya tahan (*resilient*), berdaya saing dan mampu dalam menangani pelbagai isu dan pelbagai cabaran pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat juga melahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada seramai 217 pelajar IBTE yang berjaya menamatkan PJN yang berjalan selama 90 hari di Kem PKBN, Temburong.

Semoga kejayaan berkenaan kata Yang Berhormat, menjadi pemangkin kepada kecemerlangan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

untuk terus maju ke hadapan dan menyumbang ke arah perkembangan negara selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Tetap, Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengurus Majlis, dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa melalui PJN berkenaan adalah dihasratkan pelbagai ciri dan nilai keperibadian serta profesional yang diperlukan oleh industri seperti disiplin, integriti, tanggungjawab, dan daya tahan (*resilience*) akan dapat disemai.

Program selama 90 hari berkenaan merupakan sebahagian daripada program iSkills bagi iSkills Marking and Fitting, iSkills Rigging, iSkills Scaffolding dan ISQ Welding di bawah IBTE. PJN adalah usaha kolaborasi di antara IBTE, Sekretariat Tetap MPEC dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Pada majlis tersebut, video yang memaparkan pelajaran pelatih menjalani PJN juga ditayangkan. Majlis diteruskan lagi dengan

penyampaian hadiah kepada pelatih-pelatih terbaik lelaki dan perempuan dalam Kategori Keseluruhan, Kawad dan Jasmani.

Pelatih terbaik lelaki bagi Kategori Keseluruhan diberikan kepada 1034 Pelatih Danyial bin Mohd Zinin dan 1217 Pelatih Nurhidayah binti A.Zaini.

Manakala, 1023 Pelatih Mohammad Hilmi bin Dahnan dan 1188 Pelatih Nurul Intan Nazeerah binti Haji Mohamad Azman pula menerima bagi Kategori Kawad, dan bagi Kategori Jasmani diberikan kepada 1126 Pelatih Mohd Shazremin bin Manan dan 1186 Pelatih Low Len Le.

Penyampaian sijil-sijil kepada semua para pelatih juga disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).



DEDAH PELAJAR KEPERLUAN KHAS MENGENAI KEUSAHAWANAN



Oleh : Rohani Haji
Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas, hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Memasak Kali Ke-3 dan Projek Bootcamp Kali Ke-2 bagi Pelajar-Pelajar Program Pra-Vokasional yang berlangsung di Ruang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sebanyak lapan buah sekolah menengah mara ke peringkat akhir Pertandingan Memasak yang telah diadakan pada 5 November 2022 lalu di mana pelajar-pelajar perlu menyediakan tiga jenis masakan iaitu Nasi Goreng, Kek Cawan dan

Agar-Agar.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan berkata bahawa Projek Bootcamp Kali Ke-2 ini merupakan usaha berterusan dalam memberikan pendedahan dan latihan kepada para pelajar berkeperluan khas mengenai dengan keusahawanan dan inovasi hasil kerjasama Jabatan Pendidikan Khas dengan Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC).

"Pameran Projek Bootcamp pada hari ini diadakan bersempena dengan Minggu Keusahawanan Sedunia ataupun Global Entrepreneurship Week (GEW) iaitu kempen yang melibatkan lebih kurang 200 buah negara di seluruh dunia.

"Ia juga merupakan peluang untuk mengembang luas usaha dan inisiatif keusahawanan dengan memuat naik perisian projek ke platform Global Entrepreneurship Network dan Projek Bootcamp kali

ini sekali gus mewakili Negara Brunei Darussalam dalam GEW," jelasnya lagi.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Memasak di mana juara disandang oleh Sekolah Menengah Katok, manakala tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman sementara tempat ketiga disandang oleh Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Sementara Peserta Terbaik Pertandingan Memasak ialah Md. Soffian bin Julaihe dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

Bagi Projek Bootcamp, sekolah-sekolah yang memenangi tiga anugerah khas iaitu Most Persevering diberikan kepada Sekolah Menengah Menglait.

Most Passionate diberikan kepada Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan Most Innovative diberikan kepada Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

Seramai lima juri telah dijemput yang terdiri daripada guru

SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Memasak Kali Ke-3 dan Projek Bootcamp Kali Ke-2 bagi Pelajar-Pelajar Program Pra-Vokasional (kiri dan atas).

masakan daripada Institute Brunei Technical Education (IBTE), cef dari Royal Brunei Catering (RBC) dan Syarikat De Pirate.

Penglibatan pelajar-pelajar Program Pra-Vokasional dalam dua pertandingan ini merupakan sebagai pengukuhan kemahiran yang mereka pelajari di sekolah.

Bidang masakan dan keusahawanan merupakan antara kemahiran yang dimasukkan dalam Kurikulum Program Pra-Vokasional.

Majlis turut diserikan dengan Aktiviti Demo Day iaitu pameran dan jualan hasil produk dari Projek Bootcamp berkenaan.



SEBAHAGIAN daripada pameran

Doa Kesukuran bagi Ahli ASEAN-ERAT NBD



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Doa Kesukuran dan Doa Selamat kelmarin, di Pejabat NDMC.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) mengadakan Majlis Doa Kesukuran dan Doa Selamat kelmarin, di Pejabat NDMC bagi Pengguna Bomba dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Dayang Siti Masnur Juraini binti Jini, yang

merupakan salah seorang Ahli ASEAN Emergency Response and Assessment Team (ASEAN-ERAT) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru sahaja pulang dari pengerahan misi bantuan kemanusiaan bagi penduduk di kawasan-kawasan yang terjejas oleh ribut tropika kuat PAENG (NALGAE), pada 29 Oktober, di

Republik Filipina.

Hadir semasa majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon;

Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

Pengarah NDMC; Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat; serta Pegawai-pegawai Kanan NDMC dan JBP.

Misi bantuan kemanusiaan ini diadakan dalam tempoh 10 hari, bermula Ahad, 6 November 2022 hingga Selasa, 15 November 2022.

Seramai 11 Ahli ASEAN-ERAT, yang terdiri dari NBD, Malaysia, Republik Singapura dan Republik Filipina ditugaskan oleh ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on Disaster Management (AHA Centre) bagi melaksanakan penilaian segera mangsa-mangsa ribut tropika kuat tersebut, dalam menyokong operasi yang sedang dijalankan oleh National Disaster Risk Reduction and Management Council (NDRRMC), di Republik Filipina.

Ribut tropika kuat NALGAE menjelaskan enam buah wilayah di Republik Filipina, pada 29 Oktober 2022 dan berdasarkan pada laporan dari AHA Centre, bertarikh 11 November 2022, ribut tropika

tersebut menjelaskan 5.44 juta orang, 1.12 juta orang kehilangan tempat tinggal, 159 orang maut, 146 orang cedera, 37 orang hilang, 53.7 ribu rumah yang rosak dan kos kerugian harta benda awam dianggarkan sebanyak USD227 juta.

ASEAN-ERAT ialah pasukan tindak balas yang boleh dikerahkan dengan segera bagi mendukung negara Ahli ASEAN yang terjejas semasa bencana besar, di mana hingga Ogos 2022, ASEAN-ERAT mempunyai keahlian seramai 353 orang, yang terdiri daripada 10 Negara Ahli ASEAN dan dikendalikan oleh AHA Centre.

Pengerahan Ahli ASEAN-ERAT adalah salah satu komitmen negara, seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi ASEAN 'One ASEAN, One Response', iaitu kesatuan ASEAN bertindak balas terhadap bencana di rantau dan luar rantau ini serta bagi menyokong Perjanjian ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER).

83 PESERTA KELAS BIMBINGAN MUALLAF DIRAIKAN



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Jumaat, 18 November.

- Seramai 83 peserta Kelas Bimbingan Muallaf dari keempat-empat buah daerah diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil Kelas Bimbingan Muallaf Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah

Muallaf).

Majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI berkenaan bertujuan bagi memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para muallaf yang telah selesai mempelajari Kelas Iqra (Kelas Bimbingan Muallaf 2) dan Kelas Al-Quran (Kelas Bimbingan Muallaf 3).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

Kelas Bimbingan Muallaf yang dikendalikan secara berterusan berkenaan dihasratkan dapat membina keyakinan para muallaf untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam dan seterusnya melahirkan muallaf celik Al-Quran serta khatam Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim bersama isteri.

Dalam ucapannya, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, Kelas Bimbingan Muallaf yang dilaksanakan sejak tahun 1985 berkenaan merupakan program yang disediakan khusus bagi para muallaf di negara ini sebagai platform untuk mempelajari ugama Islam, di samping bacaan Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah.

"Alhamdulillah, mengikut tahun 2021, seramai 276 orang peserta yang aktif telah mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf.



"Kelas bimbingan ini bukan sahaja dipusatkan di PDI sahaja, malahan ia juga dilaratkan ke seluruh daerah," ujarnya.

Awang Haji Abdul Rajid seterusnya berkata, bagi memastikan program berkenaan dapat dilaksanakan secara berterusan, PDI juga melaksanakan Kelas Bimbingan Muallaf dengan baik sewaktu penularan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini.

"Dalam era globalisasi dan teknologi yang canggih ini, insyaaAllah mulai tahun 2023, PDI juga telah merancang sebagai alternatif untuk membuka satu platform dengan menawarkan Kelas Bimbingan Muallaf yang akan dilaksanakan secara dalam talian.

"Ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para muallaf khususnya para belia muallaf yang tidak berkesempatan hadir secara fizikal untuk sama-sama dapat belajar Iqra, Al-Quran dan bimbingan Fardu Ain," jelasnya lagi.

Terdahulu, Majlis Khatam Al-Quran bagi Kelas Bimbingan

Muallaf Brunei Muara dan Persatuan Nurul Islam (PNI) dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis disusuli dengan bacaan Khatam Al-Quran yang diketuai oleh muallaf dari Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Muhd Nabil Hakim bin Haji Muhd Nabil Hafizzuddin@Alexson anak Ampeling, diikuti dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam Al-Quran dan Dikir Marhaban.

Majlis juga turut diserikan lagi dengan tayangan video pendek pelaksanaan Kelas Bimbingan Muallaf.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Saifulullah bin Haji Sofian.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ruslan bin Haji Sulaiman; Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; dan Yang Di-Pertua PNI, Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah.



SERAMAI 83 peserta Kelas Bimbingan Muallaf dari keempat-empat daerah telah diraikan pada majlis berkenaan.

AITI, UTB meterai perjanjian Kursus Kepimpinan



PENANDATANGANAN Perjanjian antara Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi mengendalikan Kursus Kepimpinan, yang ditandatangani oleh Naib Canselor UTB dan Ketua Eksekutif AITI, berlangsung di Dewan Seri Kerna, AITI.

Siaran Akhbar dan Foto: Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 November. - Majlis Menandatangani Perjanjian antara Pihak Berkusa Industri Teknologi

Info-komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi mengendalikan Kursus

Kepimpinan selama dua bulan untuk Penolong Pengurus, Ketua Pegawai Teknikal dan Pegawai Teknikal Kanan AITI telah diadakan pada Isnin, 14 November 2022 bertempat di Dewan Seri Kerna, AITI.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Ketua Eksekutif Perkhidmatan Korporat AITI, Dayang Asimah binti Haji Hassan.

Diikuti dengan menandatangani Perjanjian Kerjasama Khusus (Specific Collaborative Agreement) antara AITI dan UTB.

Para penandatanganan terdiri daripada Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Ketua Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Majlis turut disaksikan oleh Penolong Ketua Eksekutif Perkhidmatan Korporat, AITI, Dayang Asimah binti Haji Hassan dan Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan) dan Pengarisi Jawatkuasa Program Pembangunan Eksekutif (EDP) UTB, Dr. Awang Mohammad Saiful bin Haji Omar.

Perjanjian Kerjasama telah diwujudkan di bawah payung Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai oleh AITI dan

UTB pada Januari 2021.

Projek lain yang dilaksanakan di bawah MoU berkenaan termasuk inisiatif untuk Mempamerkan Kes Penggunaan 5G serta Tinjauan ICT Negara Brunei Darussalam untuk Individu, Isi Rumah dan Perniagaan 2021.

Program latihan kepimpinan berkenaan bertujuan untuk melengkapkan dan memupuk pemimpin berkualiti tinggi di AITI dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyesuaikan diri, mengatasi dan memanfaatkan sebarang peluang dan cabaran.

Kakitangan AITI yang menyertai program berkenaan diharapkan akan dapat menggunakan sepenuhnya kemahiran yang diperolehi seperti menggunakan pemikiran strategik untuk menetapkan matlamat dan objektif bagi unit mereka, mengurus fungsi utama untuk mencapai keputusan organisasi dan mempertajamkan kemahiran analisis mereka untuk membuat keputusan yang bermaklumat.

Keselamatan jalan raya tanggungjawab bersama



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

Tafsirnya : "Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan."

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya untuk sentiasa memelihara agama, menjaga dan menjamin keselamatan diri dan nyawa, menjaga akal, nasab keturunan (maruah) dan juga harta.

Perlu diketahui, agama kita juga menyuruh umatnya supaya berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut.

Adalah menjadi satu prinsip di dalam Islam bahawa sebarang langkah untuk memastikan kelima-lima perkara ini, maka ia termasuk dalam skop syariat Islam yang perlu dipatuhi. Dan jika dilanggar merupakan satu dosa.

Ini kerana kehendak ajaran Islam itu sendiri menghendaki supaya manusia menghindari daripada segala bentuk kebinasaan, kerugian, kehilangan nyawa

dan kemasuhan harta benda.

Terdapat hadis yang menjelaskan tentang kewajipan menolak atau mengelak kemudarat dan kemasuhan sama ada kepada diri sendiri maupun memudaratkan kepada orang lain. Antaranya sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Abu Sa'id bin Sinan Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak melakukan perbuatan yang memudaratkan diri sendiri dan orang lain". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah).

Dari hadis ini, lahirlah pula Kaedah Fiqhiyah yang menyebut "الشَّرُورُ بَيْلَى" yang bermaksud : "Kemudarat itu hendaklah dihilangkan".

Adapun antara perkara yang boleh mendatangkan kemudarat seperti kebinasaan, kerugian, kemasuhan harta dan jiwa itu ialah kemalangan jalan raya.

Kemalangan jalan raya adalah suatu musibah yang tidak dijangka. Namun demikian, kemalangan ini sering kali berlaku akibat dari kecuaian pengguna dan pelanggaran peraturan jalan raya. Terdapat beberapa faktor utama yang menjadi punca kemalangan jalan raya seperti :

Pertama : Memandu secara bahaya dan memandu dengan laju dan melebihi daripada had yang telah ditetapkan.

Kedua : Menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

Ketiga : Melanggar peraturan lalu lintas seperti tanda lampu isyarat.

Keempat : Kelalaihan segelintir pengguna jalan raya untuk membuat penyelenggaraan kenderaan sehingga mengakibatkan kenderaan tidak berfungsi dengan baik.

Kelima : Memandu dalam keadaan marah atau panas baran atau tidak bertolak ansur.

Perlu diketahui, bahawa perangkaan dari Januari hingga Oktober 2022 telah mencatatkan seramai 18 nyawa terkorban akibat kemalangan jalan raya di samping kecederaan manusia, kerosakan harta benda dan kerugian sehingga beribu ringgit yang terpaksa ditanggung oleh mangsa, keluarga dan juga pihak kerajaan.

Amnya, apabila kemalangan berlaku, ia bukan sahaja menyebabkan kesedihan kepada keluarga mangsa, tetapi ia juga sebenarnya memberikan impak yang besar kepada negara sama ada dari segi sosial maupun ekonomi dan kewangan.

Oleh yang demikian, undang-undang dan peraturan jalan raya dikuatkuasakan di negara ini adalah semata-mata bagi

menjamin keselamatan pengguna jalan raya khasnya dan masyarakat amnya. Undang-undang dan peraturan dan jalan raya itu adalah dalam kategori maslahat yang wajib dari segi syarak untuk ditaati dan dipatuhi.

Selain mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya, kaedah dan sikap memandu di jalan raya merupakan sebahagian daripada kesyumulan ajaran agama Islam kerana ia berkait sendiri dengan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Pemanduan kenderaan di jalan raya memerlukan penumpuan dan konsentrasi yang sepenuhnya daripada pemandu termasuk sentiasa mengamalkan akhlak Islam yang luhur seperti sabar dan tidak tergopoh-gapah. Bagi mewujudkan satu bentuk interaksi yang baik dan harmoni di kalangan sesama pemandu dan pengguna jalan raya lainnya.

Ini bermakna, sebelum memandu seseorang perlulah mempersiapkan dirinya dari segi fizikal, mental dan emosional sebaik mungkin. Sebarang kecuaian walaupun beberapa saat memungkinkan satu tragedi yang mengerikan berlaku.

Dalam perkara berkaitan, satu kekuatan unggul pendekatan keagamaan yang tidak boleh ditinggalkan di dalam menjaga adab memulakan perjalanan dengan mengamalkan doa dan zikir-zikir perlindung iaitu sebagai ikhtiar dan adalah usaha untuk memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan terutamanya di jalan raya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada mengajarkan ayat yang dianjurkan untuk dibaca ketika keluar rumah. Doa ini ada disebut dalam sebut hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu :

Maksudnya : "Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan (Kekuasaan) Allah".

Selain itu, sebelum keluar rumah hendaklah dibiasakan membaca Surah Al-Fatihah, ayat Al-Kursi dan Surah Al-Quraish. Manakala ketika menaiki kenderaan hendaklah dibiasakan membaca doa.

Maksudnya : "Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami".

Selain itu, jika di dalam perjalanan berlaku hujan, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan kita supaya

membaca :

Maksudnya : "Ya Allah, jadikanlah ia (hujan) sebagai hujan yang bermanfaat".

Mudah-mudahan dengan membaca surah-surah dan doa-doa tersebut, kita semua akan mendapat keselamatan dan terhindar dari sebarang bahaya dan malapetaka ketika berada di dalam perjalanan.

Bersempena dengan Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia tahun ini yang memberi tumpuan kepada mengelakkan kecederaan jalan raya serta kesan terhadap keluarga dan komuniti di seluruh dunia.

Marilah kita sama-sama memberikan sokongan dan kerjasama bagi mengelakkan kemalangan demi mencapai InsyaAllah visi sifar kemalangan maut di jalan raya iaitu dengan sentiasa mengamalkan sifat berdisiplin, berhemah, hormat-menghormati, bertolak ansur, sentiasa mematuhi undang-undang dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Kita hendaklah berhati-hati, jangan disebabkan oleh kelalaian dan kecuian kita akan membawa mudarat dan padah kepada diri sendiri maupun kepada orang lain apakah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa.

Perlu diingat, kemalangan jalan raya adalah suatu bencana yang serius. Kesedaran dalam mematuhi undang-undang dan kemalangan serta penghayatan terhadap prinsip ajaran Islam yang kukuh adalah tonggak dalam menjamin keselamatan jalan raya.

Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga kita semua dihindarkan dari perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan (Dialah) yang telah menciptakan semuanya berpasangan dan Dia mengadakan bagi kamu bahtera dan binatang ternakan yang kamu dapat kenderai. Supaya kamu berada tetap di atasnya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atasnya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan : Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami". (Surah Az-Zukhruf, ayat 12-14)

Majlis Penghargaan bagi Pasukan Beruniform UNISSA



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang melibatkan seramai 280 pelajar (kiri), manakala gambar kanan, sekitar Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang diadakan di Tokyo Hall, Airport Mall.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mengadakan Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang melibatkan seramai 280 pelajar dan diadakan di Tokyo Hall, Airport Mall, baru-baru ini.

Pasukan Beruniform UNISSA

terdiri dari Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Bomba, Pasukan Kadet Polis, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Pengakap dan Platoon Bulan Sabit Merah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan menyempurnakan majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji

Zainal.

Majlis tersebut diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada ahli pasukan beruniform yang telah berkhidmat dan yang pernah mengharumkan nama UNISSA serta penghargaan kepada tenaga pengajar dari setiap pasukan.

Turut disampaikan adalah

Anugerah Pemimpin Terbaik kepada enam orang pemimpin dari setiap pasukan beruniform UNISSA.

Majlis yang berlangsung bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara pasukan-pasukan beruniform dengan mengadakan persembahan dari setiap pasukan

yang diikuti dengan sesi cabutan bertuah.

Majlis yang diadakan juga berhasrat untuk melahirkan individu yang aktif, berdisiplin, bersemangat dan berdikari yang boleh memikul peranan kepimpinan dan juga bekerjasama dengan baik dengan orang lain.





KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 23 Rabiulakhir 1444H / 18 November 2022M



APA YANG BOLEH KITA BUAT?



Patuhi undang-undang dan peraturan jalan raya



Penuh penumpuan dan konsentrasi



Sabar dan tidak tergopoh-gapah



Mempersiapkan diri secara fizikal, mental dan emosional sebaik mungkin sebelum memandu



Mengamalkan doa dan zikir-zikir pelindung

HARI MEMPERINGATI MANGSA-MANGSA LALULITAS JALAN RAYA SEDUNIA 2022

Memberi tumpuan kepada mengelakkan kecederaan jalan raya serta kesan terhadap keluarga dan komuniti di seluruh dunia

Dari Januari hingga Oktober 2022, seramai

18

nyawa **terkorban** akibat kemalangan jalan raya

Sebelum keluar rumah, biasakan membaca:

- Surah al-Fatihah
- Ayat al-Kursi
- Surah Quraysh
- Doa Menaiki Kenderaan

سبحانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ،
وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِّبُونَ

Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami.

Terdapat beberapa faktor utama yang menjadi punca kemalangan jalan raya seperti:

Memandu secara bahaya dan memandu dengan laju dan melebihi daripada had yang telah ditetapkan

Kelalaian segelintir pengguna jalan raya untuk membuat penyelenggaraan kenderaan

Menggunakan telefon bimbit ketika memandu

Melanggar peraturan lalu lintas

Memandu dalam keadaan marah/ panas baran/ tidak bertolak ansur



دعا ممohen كهـد الله سقـاي قـرـسلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس فـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.
بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَثَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي تَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ إِلَّا يَادِنَّهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْبَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبَ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُشَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدِ دُكْلٍ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhulailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتَغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنُ سَاعَتَ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقُ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسَبْنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

5 PESERTA BIBD SEED KOHORT KE-4 DIRAIKAN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Majlis Penyampaian Sijil dan Dana Zakat Perniagaan Program BIBD SEED Kohort Ke-4 bagi tahun 2021 hingga 2022 berlangsung pada hari ini bertempat di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Jalan Kianggeh, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya

menyempurnakan penyampaian sijil dan Dana Zakat Perniagaan program berkenaan kepada lima peserta, Penolong Mufti (Buhuth) di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Haji Yusof yang juga selaku Pengurus Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Usahawan wanita terdiri daripada golongan kurang

PENOLONG Mufti (Buhuth) di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan Dana Zakat Perniagaan program berkenaan kepada peserta.

berkemampuan di bawah Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Majlis Ugama Islam Brunei; Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan; serta Persatuan Ibu Tunggal.

Para peserta BIBD SEED diberikan bengkel latihan yang memfokuskan kepada kemahiran keusahawanan, pembangunan produk, kemahiran perniagaan praktikal serta penjenamaan dan pemasaran.

Para peserta juga turut diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aneka jualan dan pasaran sebagai salah satu cara untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam berinteraksi dengan pelanggan serta membina rangkaian pelanggan mereka.

Selain itu, para peserta juga digalakkan untuk menggunakan pembungkusan mampan untuk semua produk mereka, sebagai sebahagian daripada komitmen BIBD terhadap kemampaman di

bawah Rangka Kerja Kelestarian BIBD.

Setakat ini, seramai 41 usahawan wanita menyertai program berkenaan dengan seramai 27 peserta telah layak mendapatkan pembiayaan dana zakat.

Sementara itu, seramai 221 usahawan wanita telah mengikuti kem permulaan BIBD SEED yang memfokuskan kepada asas keusahawanan.

Sejak penubuhan program BIBD SEED, pembiayaan bernilai

BND118,740 di bawah dana zakat telah diagihkan dan diharapkan dapat menjadi pemangkin ke arah kejayaan peserta dalam bidang masing-masing.

Majlis juga diseluruh dengan penyerahan Surat Tarawar Program BIBD Seed Kohort Ke-5 bagi tahun 2022 hingga 2023 kepada 14 peserta.

Majlis diteruskan dengan melawat Pameran Keusahawanan para peserta Program BIBD SEED daripada Kohort 1 hingga Kohort 3.



PENOLONG Mufti (Buhuth) di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ketika menyaksikan Pameran Keusahawanan para peserta program.

MUIB serah agihan Zakat Modal Berusaha



MAJLIS Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Asnaffakir miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat perhatian Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam meringankan bebanan kehidupan mereka.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha telah berlangsung hari ini di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Agihan Zakat Modal Berusaha berupa sebuah perahu, enjin dan trailer itu telah diagihkan kepada Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Kadir yang disampaikan oleh

Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Kesemua peralatan tersebut berjumlah BND15,443 diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB.

Adalah diharapkan dengan adanya agihan zakat modal peralatan berusaha seumpama ini akan menambahkan lagi semangat dan usaha para penerima agar berusaha lebih gigih dalam meningkatkan taraf kehidupan kepada yang lebih baik dan sempurna.



AWANG Abdul Rahman bin Haji Abdul Kadir penerima Agihan Zakat Modal Berusaha berupa sebuah perahu, enjin dan trailer.

كمتنرين كصيختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan **AKSIN COVID-19** diberikan secara **PERCUMA** kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | 148

MENJEJAKI KEWUJUDAN BAHASA, KALIMAT TUA

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 16 November. - Pembangunan projek penyelidikan diungkayahan sebagai usaha untuk mengesan kewujudan bahasa dan ayat lama yang pernah dituturkan serta digunakan oleh Masyarakat Brunei untuk diperkenalkan semula melalui dokumentasi; mengetengahkan dan menyerlahkan semula bahasa dan ayat lama yang boleh diangkat serta diseragamkan dalam penggunaan bahasa Melayu pada masa kini dan akan datang; serta berusaha untuk memelihara dan mendokumentasikan khazanah seni serta budaya negara.

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan akan mempromosikan Projek Penyelidikan Bahasa dan Ayat Kuno sebagai satu lagi usaha untuk mengaktifkan penyelidikan budaya, mendokumentasikan hasil koleksinya.

Projek seumpama itu diadakan di Perpustakaan DBP, Kampung Pandan, Kuala Belait dan akan

dilaksanakan pada Disember 2022.

Projek Kajian Bahasa dan Ayat Lama itu dihasrat akan memfokuskan pada kajian lapangan melalui temu bual informan yang dikenal pasti dari keempat-empat daerah.

Pelaksanaan projek tersebut dirancang bermula dari November hingga Disember 2022 Penyelidikan Perpustakaan; Januari hingga Februari 2023 Penyelidikan Lapangan di Daerah Belait; Mac hingga Jun 2023 Penyelidikan Lapangan di Daerah Brunei dan Muara; Julai hingga Ogos 2023 Penyelidikan Lapangan di Daerah Temburong; dan September hingga Oktober 2023 Penyelidikan Lapangan di Daerah Tutong.

Taklimat bersama Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta warga emas dari empat daerah diadakan bagi memberi penerangan jelas mengenai projek penyelidikan yang sedang dilaksanakan, bagi membantu mendapatkan informan kajian di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, taklimat

diadakan pada Khamis, 10 November lalu, di Perpustakaan DBP, Tutong.

Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong, taklimat akan diadakan pada Khamis, 17 November 2022, di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas.

Hadir sebagai tetamu khas bagi setiap taklimat, seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Manakala pengenalan pada Projek Penyelidikan Bahasa dan Ayat Lama, disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Seterusnya, tafsiran bahasa dan ayat lama, dijelaskan oleh Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr; dan Pakar Rujukan, Profesor Madya Dr. Haji Hashim

bin Haji Abdul Hamid.

Antara objektif projek berkenaan bertujuan untuk menjelajahi kewujudan bahasa dan kalimat tua yang pernah digunakan serta dituturkan oleh Masyarakat Brunei untuk diperkenalkan semula menerusi pendokumentasian.

Selain mengetengahkan dan menyerlahkan semula bahasa serta kalimat tua yang boleh diangkat dan distandardisasikan dalam penggunaan bahasa Melayu pada masa kini serta akan datang.

Sementara skop penyelidikan bagi menjelajahi bahasa dan kalimat tua melalui pertuturan (tradisi lisan) daripada informan-informan, di keempat-empat daerah.

Manakala tumpuan isi pertuturan menyentuh mengenai kebudayaan Masyarakat Brunei, merangkumi adat resam, tarian, kraf tangan, pertukangan kayu dan sebagainya.

Rasional projek akan berupaya



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa ucapan alu-aluan beliau.

dalam melestarikan dan merevitalisasi warisan bangsa serta kearifan tempatan pengabsahan nilai-nilai kebruneian.

Bersama nilai tambah sumber rujukan dalam penyebaran ilmu kebudayaan khususnya, mencetuskan kajian dan penelitian lanjutan mengenai bahasa tua di negara ini.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak



Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November, - Majlis Menandatangani Perjanjian Penajaan Rancangan Brunei Muzik Video 2022 diadakan hari ini bertempat di Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei (RTB), Bangunan Sekretariat, Bandar Seri

Begawan.

Bagi menandatangani perjanjian, RTB diwakili oleh Pemangku Pengarah, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim; manakala syarikat-syarikat penaja, iaitu McDonald's Brunei; Print Plus Sdn. Bhd.; Ayam Brand; dan Dpicbox

Penandatanganan perjanjian tajaan Rancangan Brunei Muzik Video 2022

Photobooth BN diwakili oleh pengurus atau wakil syarikat masing-masing.

Brunei Muzik Video merupakan sebuah rancangan pertandingan penerbitan muzik yang pertama diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan berkenaan bertujuan untuk mencungkil bakat, idea dan kreativiti para penggiat seni khususnya dalam penerbitan muzik video sama ada secara individu atau berkumpulan.

Pertandingan Akhir Brunei Muzik Video 2022 akan berlangsung pada Sabtu, 26 November 2022, jam 8.00 malam bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

Oleh itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir menyaksikan dan memeriahkan lagi malam pertandingan berkenaan.

Manakala, siaran langsung pertandingan boleh diikuti melalui saluran RTB Aneka dan RTBGo.



PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim ketika menyampaikan sijil kepada pengurus / wakil syarikat pada Majlis Menandatangani Perjanjian Penajaan Rancangan Brunei Muzik Video 2022 (atas kiri dan atas).

DURIAN MONTHONG BERAT 6.4 KILOGRAM DAPAT PENGIKTIRAFAN



PENAUNG Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong menyampaikan Sijil Pengiktirafan dan Anugerah kepada Awang Jefri Wee bin Abdullah (atas), manakala gambar kanan, buah Durian Monthong milik Awang Jefri Wee tersebut mendapat pengiktirafan dan penganugerahan daripada Brunei Book of Records di peringkat kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 November. - Pokok Durian Monthong yang sudah berusia lebih 30 tahun buat pertama kalinya telah menghasilkan buah yang banyak

dan sebiji daripada buah durian berkenaan berukuran besar dan mempunyai beratnya dalam 6.4 kilogram.

Buah yang dimiliki oleh Awang Jefri Wee bin Abdullah di Kampung

Sungai Akar berkenaan telah mendapat pengiktirafan dan penganugerahan daripada Brunei Book of Records di peringkat kebangsaan.

Majlis Penyampaian Sijil

Berita dan Foto: Ihsan Haifa Hasbollah



Pengiktirafan dan Anugerah berkenaan berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) hari ini, dan disampaikan oleh Penaung MRSB Kampung Sungai Akar, Dato Seri Setia

Awang Haji Ali bin Apong.

Awang Jefri Wee merupakan seorang petani sepenuh masa dan bergiat aktif dalam bidang keusahawanan melalui pertanian.

2 ditahan langgar akta imigresen



OPERASI Tumpas JIPK 82/2022, yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Bandar Seri Begawan, di sebuah kampung, Mukim Mentiri, menahan dua lelaki, warganegara asing untuk siasatan lanjut kerana didapati bekerja sendiri, melakukan kerja pemotongan pokok dan mengutip besi terpakai (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Dua lelaki, warganegara asing ditahan semasa Operasi Tumpas JIPK

82/2022, yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan (JIPK) Bandar Seri Begawan, di sebuah kampung, Mukim Mentiri, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Mereka yang ditahan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK untuk siasatan lanjut kerana didapati bekerja sendiri, iaitu melakukan kerja pemotongan pokok dan mengutip besi terpakai yang lain.

Kesalahan melanggar syarat-syarat Pas Imigresen boleh sidinda kompaun sebanyak BND600.

Tindakan seterusnya Pas Kerja dibatalkan dan diusir dari negara ini. Nama-nama mereka boleh disenaraihitamkan untuk tidak dibenarkan lagi bekerja di Negara Brunei Darussalam.

Manakala majikan yang mengambil, menggaji pesalah imigresen boleh dikenakan denda sebanyak BND3,000 bagi setiap seorang pesalah imigresen.

Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini

dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan secara bersendirian atau bersepada dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Sementara itu, pihak penguatkuasaan mengingatkan kepada orang ramai, bahawa memberi pekerjaan atau menggaji mana-mana pesalah imigresen adalah menjadi kesalahan, di mana boleh diambil tindakan undang-undang.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi terus Talian Hotline JIPK menerusi talian, +673 8734888 atau +673 8753888.

Siok inda beranti

Festival Kiudang

25 - 27 November 2022

Ekopelancongan Riadah Keluarga Tamu Bazar

Di Kawasan Gerai Muafakat Kampong Kiudang Tutong

ANJURAN MAJUS PERUNDINGAN KAMPUNG KIUDANG

Keterangan Lanjut | tutong.click



سوروهنجای فرخمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (IMPK) yang berlaku
- 4 Tandakan "✓" pada korak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Borang / papercase / Papercard Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / teladan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



	Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tulup Permohonan
1	JURUTEKNIK KANAN MAKMAL C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/NOV/11	JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	26 NOVEMBER 2022
2	JURUTULIS JAWI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/NOV/12	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	26 NOVEMBER 2022
3.	TUKANG PANCUT E.1-2 EB.4 (BAHAGIAN V) 2022/NOV/09	JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	06	7(A)	26 NOVEMBER 2022
4.	PENYELIA PEJABAT C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/NOV/10	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	03	38(A)	26 NOVEMBER 2022
5.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2022/NOV/16	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	28 NOVEMBER 2022
6.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2022/NOV/14	DIVISIEN PENGURUSAN LEMBAGA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	28 NOVEMBER 2022
7.	PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2022/NOV/13	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	38(A)	28 NOVEMBER 2022

PERINGATAN:

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply And Delivery Artemia Cyst To Aquaculture Research And Development Division"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"Repair Works Of Concrete Boat Ramp And Extension Parking Area At Kampung Buda-Buda Slipway, Temburong District, Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2022

Tajuk Sebut Harga :

"Supply, Delivery, Install, Testing And Commissioning Of The Anchorage Marine Buoys Complete With Mooring System And Marking At Designated Commercial Fishing Vessel Anchorage Area"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0034 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
"To Construct And Install Of Seawater Intake Sump At Keramut Farm Site"

Tarikh Tutup :
Khamis, 1 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

فليتا بروني
PELITA BRUNEI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Consultancy Services For Development Of Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) And Review Of Information And Communication Technology (ICT) Curriculum

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 84 / 2022 / 2023 (JPK-NOV-2022)

Tajuk Tawaran :
Consultancy Services For Development Of Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) And Review Of Information And Communication Technology (ICT) And Related Curriculum For Ministry Of Education, Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND35.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 10 Januari 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tarikh Kastam Bil.
30 / 2022

TAWARAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PEJABAT POS OFIS SERIA DAN RUMAH TRANSIT MUMONG DI BAWAH KAWALAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, CAWANGAN BELAIT, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Disember 2022, Jam 2.00 Petang



فليتا بروني
PELITA BRUNEI

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

فليتا بروني
PELITA BRUNEI

فليتا بروني
PELITA BRUNEI



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam Bil.
28 / 2022

TAWARAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN, KAWASAN DAN TANDAS-TANDAS DI POS KAWALAN SUNGAI TUJOH, CAWANGAN BELAIT, JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Disember 2022, Jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tawaran Kastam Bil.
31 / 2022

TAWARAN PERKHIDMATAN KAWALAN SERANGGA (PEST CONTROL) BAGI STOR BPNU, CAWANGAN MUARA, JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Selasa, 6 Disember 2022, Jam 2.00 Petang



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JAIN / 6 / 2019 - 2022 (01)

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Security Services Of Jabatan Adat Istiadat Negara For A Period Of 36 Month Of Calendar Year



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Tarikh Tutup / Jam :
6 Disember 2022, Selasa (2.00 petang)





MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

KES NO. BCY / CP / 115 / 2022

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

NUR SAFIJAH BINTI AHMAD
(Kad Pengenalan Brunei :
00-291467)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 September 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
NUR SAFIJAH BINTI AHMAD
No. A8, Spg. 141-6, Kg Telanai,
Jln Telanai, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
4 Ogos 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDIN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

NUR SAFIJAH BINTI AHMAD
(Kad Pengenalan Brunei :
00-291467)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 (R1-3)**, Mahkamah Besar pada **24 November 2022, jam 9.15 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **24 November 2022, jam 9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :
4 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDIN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 155 / 2022

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

FAUZIAH BINTI HAJI IBRAHIM
(Kad Pengenalan Brunei :
00-068461)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 September 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
FAUZIAH BINTI HAJI IBRAHIM
No.2, Simpang 40-27-9, Kg Sg Akar, Jln Muara BC3915, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
27 Ogos 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDIN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

FAUZIAH BINTI HAJI IBRAHIM
(Kad Pengenalan Brunei :
00-068461)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di

IKLAN

pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 (R1-3)**, Mahkamah Besar pada **24 November 2022, jam 9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

KES NO. BCY / CP / 147 / 2022

**BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD**
- Pemutang / Pemetsyen

ABDUL AZIM BIN HAJI ABD RAHMAN
(Kad Pengenalan Brunei :
00-309067)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Oktober 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

ABDUL AZIM BIN HAJI ABD RAHMAN
No.51, Jln 31, RPN Kg Lambak Kanan BC2915
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
16 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDIN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

ABDUL AZIM BIN HAJI ABD RAHMAN
(Kad Pengenalan Brunei :
00-309067)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Oktober 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di

Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 (R1-3)**, Mahkamah Besar pada **24 November 2022, jam 9.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **24 November 2022, jam 9.30 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :
4 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDIN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 117 / 2022

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

ABDUL HAFIY NA'IM BIN AWANG RUSTAM
(Kad Pengenalan Brunei :
01-072733)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Oktober 2022**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

ABDUL HAFIY NA'IM BIN AWANG RUSTAM
No.6, Simpang 49, Jalan Nenas Sanggol, Katok 'B', Teres Mata-Mata, Gadong BE2319, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
23 Jun 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Mahkamah Besar

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

ABDUL HAFIY NA'IM BIN AWANG RUSTAM
(Kad Pengenalan Brunei :
01-072733)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Oktober 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 (R1-5)**, Mahkamah Besar pada **23 Januari 2023, jam 9.15 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **23 Januari 2023, jam 9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :
6 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 180 / 2021

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

SYLVESTER BIN PADAN
(Kad Pengenalan Brunei :
01-060636)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH
PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 September 2022**.

<b



PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB / TA / 12

MAINTENANCE OF FIBER OPTIC INFRASTRUCTURE TUTONG CAMP - LUMUT CAMP, MINISTRY OF DEFENCE, BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 22 November 2022.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas : V

Kategori : M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 30 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PEMELIHARAAN SISTEM PENGHAWA DINGIN BAGI 'GROUP LOCATION 3' UNTUK TEMPOH TIGA (3)



Bilangan Tawaran :
APM.2022-2023 / SH-04

Tajuk Tawaran :
"TO DESIGN, FABRICATE AND INSTALL NEW RECEPTION LOBBY AREA AT VIP COMPLEX, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"

Syarat Kelayakan :

Kelas :
I, II atau III

Kategori Kerja :
KA 01 dan KPB 16

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1 (R1-5), Mahkamah Besar pada 23 Januari 2023, jam 9.30 pagi.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
5 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

SYLVESTER BIN PADAN
(Kad Pengenalan Brunei : 01-060636)
- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 September 2022.

>> Muka 22

di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
5 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

SYLVESTER BIN PADAN
(Kad Pengenalan Brunei : 01-060636)
- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 September 2022.

Bertarikh :
5 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

TAHUN (2022)

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
29 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
13 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tarikh iklan mengambil dokumen / tawaran :
Rabu,
Bermula 16 November 2022,
Selama 2 Minggu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu, 30 November 2022,
Jam 11.00 Pagi

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 30 November 2022,
Jam 2.00 Petang



Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 161 / 2021

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

LEE CHEW YONG
(Kad Pengenalan Brunei : 31-008605)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

SILA ambil perhatian bahawa :


a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Ogos 2022.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

LEE CHEW YONG
Lot 31223, Spg. 53, Jln. Telanai,
Kg Beribi BE1118,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
20 Disember 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / P

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI RUANG KEDAI NO.3, DEWAN KEMASYARAKATAN KAMPUNG PANDAN, KUALA BELAIT.



Bilangan Tawaran :
JPA / AME / 1107-012 / IV

Tajuk Tawaran :
Implementation of Procedural Airspace Design and ATC Procedure


Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tender :
Sabtu, 22 Oktober 2022

Tarikh Terakhir Mengambil



Bilangan Sebut Harga :
SPA / BPK / 09 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
PEMBEKALAN 4 UNIT WHITEBOARD WITH ADJUSTABLE MOBILE STAND DAN 1 UNIT WHITEBOARD WITH ALUMINIUM FRAME DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM



Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu, 10 Disember 2022




Dokumen Tender :
 Isnin, 19 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tender :
Selasa, 20 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 24 November 2022,
Jam 12.00 Tengah Hari



9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktii kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Tarikh :
6 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

LEE CHEW YONG
(Kad Pengenalan Brunei : 31-008605)
- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 September 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2 (R2-3), Mahkamah Besar pada 7 November 2022 jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Bertarikh :
6 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalalannya.

Bertarikh :
6 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

MOVEMBER KETENGAHKAN ISU KESIHATAN LELAKI

Oleh: Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin
Foto: Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

GADONG, Jumaat, 18 November. - Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre - TBCC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) hari ini mengadakan forum sempena Bulan Movember, Kempen Kesedaran Kesihatan Lelaki yang berlangsung di Ruang Komuniti Bank Baiduri, Ibu Pejabat Bank Baiduri, di sini.

Hadir pada acara berkenaan ialah penaja acara Kempen PJSC Movember, rakan kongsi acara, pelanggan korporat, kakitangan PJSC dan Bank Baiduri.

Atur cara dimulakan dengan pengenalan Movember dan isu kesihatan lelaki seperti kanser prostat, kanser testis dan kes bunuh diri dalam kalangan lelaki.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan ceramah bertajuk 'Kanser Biasa Dalam Kalangan Lelaki di Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pakar Perunding Perubatan Onkologi, Dr. Ravi Sekhar Patnaik.

Manakala, Pakar Perunding Kanan Radiasi Onkologi dan Ketua Radioterapi, Dr. Jacob Samuel Justin turut hadir sebagai penceramah kedua yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Radioterapi: Rawatan Untuk Kanser'.

Sejurus selepas itu, satu sesi forum pula diadakan yang dikendalikan oleh Pemangku Pengurus Pemasaran dan Perhubungan Awam, Nazdeny Ardian bin Haji Johan.

Penceramah bagi sesi forum berkenaan ialah Dr. Ravi Sekhar Patnaik; Dr. Jacob Samuel Justin; dan Pakar Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohamad Danial Azizi Haji Mahadi; serta Aaron John Ho Junjie yang merupakan salah seorang daripada penghidap



SEKITAR forum sempena Bulan Movember, Kempen Kesedaran Kesihatan Lelaki yang berlangsung di Ruang Komuniti Bank Baiduri, Ibu Pejabat Bank Baiduri (atas, kanan dan bawah kanan).

penyakit kanser.

Forum berkenaan memfokuskan mengenai kepentingan pemeriksaan kanser bagi lelaki yang boleh didapati di Negara Brunei Darussalam di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan.

Sesi diakhiri dengan ceramah kewangan bertajuk 'Baiduri Wealth Management' yang disampaikan oleh Perancang Kewangan Kanan, Awang Mohammad Aliff bin Haji Mat Japar.

Menggunakan misai sebagai simbol pergerakan, matlamat Movember adalah untuk mengubah wajah kesihatan lelaki dengan menggalakkan lelaki bersuara, menormalkan perbualan tentang isu kesihatan lelaki dan mengambil tindakan untuk kesejahteraan mereka.

Dengan Movember diadakan pada setiap tahun, TBCC dan PJSC berharap kempen berkenaan akan dapat memulakan perbincangan mengenai isu kesihatan lelaki dan menggalakkan



lelaki untuk bersuara.

Acara berkenaan antara lain adalah untuk menyokong Program



Kesejahteraan Pekerja Bank Baiduri, dengan tujuan bagi menggalakkan kakitangan mereka

untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyakit kanser dan kesihatan mental lelaki.

76 BFC diagihkan kepada Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital RIPAS



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Sebanyak 76 helai Breast Feeding Cover (BFC) akan diberikan kepada para

ibu yang telah dan akan melahirkan anak damit di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

(RIPAS).

Acara berkenaan diungkayahkan oleh Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat (Pertubuhan Perkumpulan Perempuan-WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali semasa hadir menyempurnakan penyerahan Breast Feeding Cover berkenaan.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

PENGURUSI Bersama Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat (Pertubuhan Perkumpulan Perempuan-WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali semasa hadir menyempurnakan penyerahan Breast Feeding Cover berkenaan.

dalam Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76 Tahun 2022 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Hadir menyempurnakan penyerahan BFC berkenaan, Pengurusi Bersama Jawatankuasa Peraduan Kanak-kanak Sihat (Pertubuhan Perkumpulan Perempuan-WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali yang seterusnya menyerahkan kepada Timbalan Ketua Pentadbiran Kejururawatan, Hospital RIPAS, Matron Dayang Hajah Shamilah binti Jelani.

Acara berlangsung di Kelas Childbirth, Hospital RIPAS.

Datin Hajah Masni semasa berucap pada majlis berkenaan menyeru kepada kaum wanita untuk bersatu padu ke arah menuju bersama dan menunjukkan bagaimana kaum ibu berperanan untuk mencapai Sustainable Development Goals (SDG 2030) dengan melindungi, mempromosikan dan menyokong amalan penyusuan susu ibu.

"Untuk menyokong penyusuan susu ibu yang eksklusif adalah perlu agar semua majikan disarankan untuk mencapai SDG 2030 dengan melindungi, mempromosikan dan menyokong amalan penyusuan susu ibu," ujarnya lagi.

Di samping itu katanya, WI memberikan sokongan yang penuh kepada masyarakat dan negara ini dengan mengamalkan, membudayakan amalan penyusuan susu ibu sebagai sesuatu yang digalakkan, disokong, dilindungi dan dihargai oleh setiap lapisan masyarakat.

**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)**

Bab 7(A)
Peraturan 7(A): Dibuka kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri

Bab 38(A)
Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

Bab 38(B)
Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.
*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA

KUMPULAN AHMAR, MAWAR JUARA PERADUAN MEMBACA SAYYIDUL ISTIGHFAR, SELAWAT TAFRIJIYYAH



ISTERI Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong, Dayang Hajah Noraisah binti Haji Musa menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Ahmar dan Kumpulan Mawar, masing-masing muncul juara pada Peraduan Membaca Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah secara berkumpulan bagi Kelas Muslimah Masjid Kampung Penanjong Daerah Tutong (bawah kanan dan atas).

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 18 November. - Kumpulan Ahmar dan Kumpulan Mawar muncul juara pada Peraduan Membaca Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah secara berkumpulan bagi Kelas Muslimah Masjid Kampung Penanjong Daerah Tutong.

Peraduan tersebut berlangsung di Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah isteri Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong, Dayang Hajah Noraisah binti Haji Musa.

Sebanyak lima kumpulan menyertai Peraduan Sayyidul Istighfar dan empat kumpulan menyertai peraduan Selawat Tafrijiyyah.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Suburkan Budaya Bergotong-ropong'. Tarikh Tutup : 23 November 2022
- 'Waspada Sindiket Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 30 November 2022
- 'Isi Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh Tutup : 7 Disember 2022

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KUKUHKAN SEMANGAT PATRIOTIK, KENEGARAAN KEPADA PENUNTUT



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 16 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi seramai 87 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Ia juga diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Turut hadir, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Haji Masri bin

Haji Md. Daud dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan telah disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji



ANTARA pelajar yang ikut serta menjawab soalan dalam Kuiz Kenegaraan (kiri), manakala gambar bawah, para pelajar menyaksikan pameran.

Idris yang antaranya menyentuh mengenai raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Bantu usahawan belia terus berkembang maju

Siaran Akhbar :
Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Darussalam Enterprise (DARE) berusaha untuk mendapatkan penyertaan yang lebih banyak daripada organisasi-organisasi yang ditubuhkan dalam menyediakan kontrak untuk usahawan belia menimba pengalaman berkhidmat di bawah Program i-Usahawan Bukan Tenaga (i-Usahawan Non-Energy).

i-Usahawan telah diperkenalkan pada tahun 2018 untuk Sektor Tenaga di bawah Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri ketika itu, sebelum ia diperluaskan di luar Sektor Tenaga pada awal tahun ini di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sebagai sebuah Program Pembangunan Keusahawanan yang menumpukan kepada belia, i-Usahawan membolehkan pemilik perniagaan muda tempatan mendapat kontrak pertama mereka dengan kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanan dan syarikat swasta yang ditubuhkan.

i-Usahawan Bukan Tenaga kini menawarkan lebih 50 peluang perniagaan oleh lapan organisasi untuk usahawan belia, dengan kontrak pertama di bawah program itu baru-baru ini diberikan oleh Muara Maritime Services Sendirian Berhad (MMS) kepada Iftikhar Trading Company untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan selama dua tahun.

Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Sokongan DARE, Dayang Norlela binti Suhailee berkata, DARE bekerjasama rapat

dengan GLC berhubung dengan kontrak strategik *ring-fencing* untuk i-Usahawan dengan berpotensi menyatakan skop kerja biasa dan menawarkan bimbingan yang boleh membimbing usahawan i-Usahawan dalam perjalanan perniagaan mereka.

"Di samping melibatkan organisasi yang lebih mantap untuk menambah bilangan kontrak i-Usahawan, kami juga sedang meneroka sama ada perkhidmatan yang lebih kecil atau biasa boleh digabungkan bersama dalam kontrak, yang akan menawarkan peniaga belia lebih banyak pengalaman dan memperoleh kos yang menjimatkan," tambah beliau.

Pengarah Iftikhar, Nurfakhriah Kasmi berkata bahawa dengan memperoleh kontrak tersebut, ia merupakan usaha baharu strategik untuk perniagaan, yang pada mulanya bermula pada tahun 2015 dari rumah, menjual makanan dan penyediaan katering ke sekolah.

Dengan pandemik COVID-19 yang menjelaskan operasi makanan mereka, Nurfakhriah memutuskan untuk meneroka jalan lain, yang diilhamkan oleh syarikat-syarikat yang menggunakan i-Usahawan untuk beralih kepada aktiviti perniagaan baharu.

"Alhamdulillah, melalui latihan i-Usahawan (DARE Bootcamp) saya dapat menimba ilmu yang diperlukan untuk berjaya memohon tender ini, dan bagaimana untuk menstrukturkan pengembangan kami ke dalam usaha baharu ini," kata Nurfakhriah selepas Majlis

Penandatangan pada 1 November lalu di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Anggerek Desa.

Iftikhar akan mengambil 10 pembersih tempatan sepenuh masa untuk melaksanakan kontrak, yang meliputi pembersihan pejabat dan Bengkel MMS.

Menyedari potensi i-Usahawan untuk membina saluran paip rakan niaga yang berkualiti, MMS - usaha sama antara Darussalam Assets dan pembina kapal Jerman Lürssen Internavial GmbH - juga telah mengikat kontrak lain untuk program itu termasuk perkhidmatan pengangkutan dan kandungan multimedia.

"Kami telah mengenal pasti sekurang-kurangnya 16 peluang (yang boleh disediakan di bawah i-Usahawan) dalam bidang asas sebagai permpuanan," kata Pengarah Urusan Komersial MMS, Md. Noh bin Haji Madali, di mana organisasi beliau menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, pembakaian dan baik pulih kapal Tentera Laut Diraja Brunei.

"Ideanya ialah belia kita boleh menggunakan platform ini untuk permpuanan dan kemudian melampaui asas. Kami melihat program ini menawarkan peluang kepada perniagaan belia untuk menjadi lebih berdaya saing, lebih memacu kualiti, dengan bimbingan dan mentorship yang betul daripada pihak berkepentingan," ujarnya lagi.

i-Usahawan Bukan Tenaga menggunakan platform perolehan dalam talian dan padanan perniagaan DARE LINKS, di mana

pelanggan boleh mengiklankan peluang perniagaan untuk dipohon oleh vendor.

Selepas mendaftar di DARE LINKS, perniagaan akan dapat memohon peluang i-Usahawan. DARE juga akan menghubungi bakal usahawan belia di bawah i-Usahawan untuk menghadiri Boothcamp perniagaan selama dua minggu yang ditaja sepenuhnya untuk membantu mereka membuat persediaan untuk tender dan pengembangan perniagaan.

DARE juga akan menjalankan daftar masuk rutin untuk memastikan peserta i-Usahawan menerima sokongan semasa pelaksanaan kontrak mereka, termasuk mengakses inisiatif DARE lain termasuk bimbingan, pembiayaan dan latihan khusus.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai i-Usahawan Bukan Tenaga, layari dare.gov.bn/iusahawan dan daftar sebagai peserta melalui darelinks.dare.gov.bn.

PUISI

Rumah

(Simpati terhadap mereka yang tiada rumah)

Asal nama rumah apapun saiznya, ia adalah syurga di dunia. Betapa tidak, bukankah rumah tempat berteduh? Tempat Bernaung? Tempat berlindung? Berlindung dari panas berlindung dari sejuk dan bahkan berlindung dari semua gejala pembinasan. Oleh itu makanya sayangilah rumah (syurga di dunia). Jangan kira tentang reka bentuknya besar atau kecilah luas atau sempitkah, asal namanya rumah itulah syurga kita. Yang penting ialah menyedari apa yang ada, semuanya... adalah ketentuan Allah belaka ada hikmah di sisi-Nya, mengapa ada rumah besar untuk si polan, mengapa ada rumah kecil untuk si polan, semua itu wajib direhdai wajib disyukuri. Untuk mengetahui "harga" rumah, maka mari perhati keadaan si homeless di mana dan ke mana mereka membawa diri, siang mengharung panas malam mengharung sejuk, makan di mana? Minum di mana? Istirahat di mana? Tidur di mana? Mandi di mana? Qadha hajat di mana? Demikian ehwal homeless, dan bagaimana pula orang-orang yang asalnya memiliki rumah, tetapi tiba-tiba datang ribut menyapunya atau tanah susur menimbulusnya atau gempa meruntuhkannya atau Tsunami merantapkannya, maka di mana dan ke mana lagi mereka dapat berlindung? Mereka dapat bernaung? Tidak ada, tidak ada, kecuali : Hanya derita jua hanya sengsara jua yang membelenggu mereka - BELENGGU - yang namanya: 'Neraka Dunia'.

ADI RUMI,
Intercontinental Dhaka Hotel,
Bangladesh.
16 Oktober 2022.



Peka menjaga kesihatan, amalkan gaya hidup sihat

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

DIABETES atau dikenali sebagai kencing manis merupakan salah satu beban yang besar pada sistem penjagaan kesihatan dan ekonomi, yang boleh mengakibatkan hilang pendapatan, kehilangan tenaga kerja yang produktif serta kos rawatan diabetes.

Ramai yang mungkin menghidap diabetes tidak dirawat atau tidak didiagnosis mengakibatkan kemudaratan pada kesihatan dan selanjutnya pada pekerjaan mereka. Justeru itu, menangani isu akses yang lebih baik pada penjagaan diabetes memerlukan kerjasama pelbagai sektor.

Ita merupakan penyakit jangka masa panjang yang disebabkan oleh badan tidak dapat menghasilkan insulin yang mencukupi dan tidak dapat menggunakan insulin dengan betul atau penggunaan insulin yang tidak berkesan oleh tubuh badan seseorang yang menghidap penyakit tersebut dan mengakibatkan paras gula di dalam darah adalah tinggi (hiperglisemia). Insulin ialah hormon yang mengawal paras gula dalam darah dengan membenarkan gula masuk ke dalam sel-sel dan menurunkan paras gula dalam darah. Penemuan insulin berlaku seabad yang lalu, iaitu pada tahun 1921.

Pendedahan yang berpanjangan pada hiperglisemia boleh mengakibatkan kerosakan organ, yang akhirnya boleh menyebabkan buta, kegagalan buah pinggang, serangan jantung, strok, amputasi anggota badan dan kematian pramatang.

Diabetes menyerang individu tanpa mengira peringkat umur. Antara puncanya ialah amalan gaya hidup yang tidak sihat dan pengambilan makanan yang tidak baik untuk kesihatan selain turut berisiko menyerang anak damit baharu lahir kerana pemakanan yang diambil oleh ibunya.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), menurut kaji selidik Brunei STEPS 2015 - 2016, satu dalam setiap 10 orang dewasa menghidap diabetes dan diabetes kekal sebagai salah satu penyebab utama kematian selepas serangan jantung dan kanser.

14 November yang lalu merupakan Sambutan Hari Diabetes Sedunia. Tema bagi

tahun 2021 hingga tahun 2023 ialah 'Akses kepada Penjagaan Diabetes'. Sambutan pada tahun ini memberi tumpuan kepada keperluan untuk akses yang lebih baik kepada pendidikan diabetes yang berkualiti bagi para pakar perubatan (healthcare professionals) dan individu yang menghidap penyakit diabetes : 'Pendidikan untuk Melindungi Hari Esok' (Education to Protect Tomorrow).

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (The International Diabetes Federation), dianggarkan seramai 537 juta orang dewasa di seluruh dunia menghidap diabetes, pada tahun 2021 dan angka ini dijangka akan meningkat menjadi 643 juta orang dewasa menjelang tahun 2030.

Lebih membimbangkan, hampir satu daripada dua orang dewasa tidak menyedari mereka menghidap diabetes dan terdapat 6.7 juta kematian akibat diabetes direkodkan, pada tahun 2021, iaitu dalam setiap lima saat, seorang pesakit yang menghidap diabetes telah meninggal dunia di seluruh dunia.

Penyakit mata

Lakukan pemeriksaan mata yang komprehensif sebaik sahaja disahkan menghidap diabetes. Doktor akan melakukan pemeriksaan berkala mengikut keperluan dan keadaan mata seseorang pesakit itu. Lakukan pemeriksaan sebelum terlewat kerana pemeriksaan awal akan dapat mengesan masalah Diabetik Retinopati dan seterusnya dapat menjalankan rawatan yang sesuai untuk mengelakkan kebutaan. Kebanyakan pesakit memerlukan pemeriksaan mata sekali setiap tahun untuk mengelakkan kehilangan penglihatan akibat Diabetik Retinopati.

Kadar glukosa darah yang sangat tinggi (Hyperglycaemia) dan tidak terkawal kepada penderita diabetes boleh menyebabkan pelbagai penyakit mata. Jika tidak dirawat sedari awal, keadaan tersebut berisiko tinggi hingga boleh menyebabkan gangguan penglihatan dan menyebabkan kerosakan mata.

Terdapat beberapa keadaan yang boleh dijangkiti oleh penyakit mata diabetes, iaitu Blepharitis, jangkitan bulu mata dan

'ketumbit', iaitu jangkitan pada kelopak mata, merupakan bisul kecil hasil daripada jangkitan kuman ke atas akar bulu mata yang boleh menyebabkan rasa sakit pada kelopak mata.

Diabetes merosakkan saraf kornea yang dinamakan Neuropati; mata kering; dan jangkitan kuman kornea atau ulser kornea yang boleh menyebabkan hilang penglihatan.

Sementara kerosakan retina dipanggil Retinopati dan golongan yang berisiko untuk mendapat Retinopati Diabetik ialah semua pesakit diabetes yang mempunyai tahap gula yang tidak terkawal; pesakit diabetes yang sedang hamil; pesakit yang mempunyai tekanan darah tinggi; pesakit yang mempunyai tahap kolesterol yang tidak terkawal; dan berat badan yang berlebihan atau obesiti.

Jenis diabetes

Terdapat tiga jenis diabetes, iaitu Diabetes Mellitus Jenis 1 (T1DM); Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM); dan Gestational Diabetes.

T1DM tidak dapat menghasilkan insulin disebabkan reaksi autoimmune; memerlukan insulin setiap hari; kira-kira lima ke 10 peratus pesakit diabetes menghidap T1DM; gejala berlaku dengan cepat; dan biasanya berlaku pada kanak-kanak dan remaja.

T2DM pula disebabkan oleh kekurangan sensitiviti tisu badan terhadap insulin menyebabkan kadar gula yang tinggi; dalam 90 ke 95 peratus penghidap T2DM; selalunya berlaku kepada orang yang berumur (tetapi kebelakangan ini juga pada kanak-kanak dan remaja); dan kemungkinan tidak ada simptom terutama pada peringkat awal.

Oleh itu, adalah penting untuk memeriksa kadar gula sekiranya ada risiko menghidap diabetes.

Manakala Gestational Diabetes dialami oleh wanita mengandung yang tidak pernah ada sejarah diabetes dan sekiranya mempunyai diabetes ini, kandungan dan bayi akan mempunyai risiko kesihatan jika kadar gula tidak dikawal dengan baik dan diabetes ini selalunya akan hilang selepas melahirkan, tetapi ia juga akan meninggikan risiko mendapat Diabetes T2DM di masa akan datang.

Lazimnya wanita-wanita yang menghidap

kencing manis semasa mengandung dinasihatkan untuk menjalani pemeriksaan kencing manis tahunan selepas melahirkan dan bagi mengekalkan gaya hidup sihat walaupun kencing manis itu hilang selepas bersalin. Ini membantu mengurangkan risiko diabetes jenis 2.

Pada peringkat awal, diabetes sering berlaku secara senyap. Antara tanda-tanda amaran diabetes adalah kerap membuang air kencing, kerap merasa haus, dan berat badan menurun mendadak.

Adalah disarankan untuk menjalani ujian di klinik kesihatan sekiranya mempunyai tanda-tanda diabetes kerana pengesanan dan rawatan awal dapat mengurangkan risiko komplikasi.

Inisiatif

Dengan sokongan padu dan kerjasama orang ramai, Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, terutama sekali dalam mencapai matlamat kualiti kehidupan yang tinggi bagi semua rakyat dan penduduk di NBD dan juga dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam menyampaikan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan sejagat bagi setiap penghidap diabetes akan terus diungkayahkan sepertimana yang digariskan, dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019 - 2023.

Kementerian Kesihatan di negara ini telah berusaha untuk memastikan pesakit diabetes masih mempunyai akses pada ubat-ubatan, akses kepada doktor, Jururawat Pendidikan Diabetes dan Pakar Pemakanan.

Penyakit diabetes boleh dicegah seandainya masyarakat peka untuk menjaga kesihatan dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta kurangkan gula dalam makanan dan minuman sehari-hari.

Penghidap diabetes dinasihatkan untuk mengambil ubat mereka dengan kerap dan tetap, mengekalkan berat badan yang sihat, mengekalkan pemakanan yang sihat juga berusaha untuk melakukan aktiviti fizikal dengan selamat.





Kesejahteraan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

SETIAP tahun pada 20 November adalah merupakan hari di mana Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia diraikan yang mana Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali untuk sama-sama menyambut hari tersebut. Mungkin ada dari sesetengah kita terutama kanak-kanak tidak tahu atau tidak pasti akan wujudnya hari khusus untuk mereka.

Hari Kanak-Kanak Sedunia diraikan untuk meningkatkan semangat kesatuan dan kesedaran bahawa kanak-kanak merupakan aset yang paling berharga untuk mencapai kemajuan dan masa depan yang mampam dan berkualiti tinggi. Oleh itu, keluarga, masyarakat mahupun negara mempunyai peranan yang penting untuk menjaga hak dan kesejahteraan kanak-kanak kerana ia adalah tanggungjawab kita bersama untuk menjamin masa depan mereka yang lebih baik dan terjaga.

Sejarah awal Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia ini mula diisytiharkan pada 1954 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Kemudian, pada 1989, UN telah melahirkan satu konvensyen yang sehingga kini masih diguna pakai oleh seluruh negara. Konvensyen tersebut dikenali sebagai Convention on the Rights of the Child (CRC). Dengan adanya konvensyen ini ia dapat menggambarkan idea bahawa kanak-kanak yang masih berumur di bawah 18 tahun adalah seorang individu yang mempunyai

hak mereka sendiri.

Tema tahun ini

Bagi tahun ini Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia adalah bertemakan 'Masa depan yang lebih baik untuk setiap kanak-kanak' atau 'A better future, for every child'. Setiap tahun, tema akan ditetapkan oleh UN. Seluruh negara akan menggunakan tema yang dikeluarkan agar mereka meraikannya selaras menggunakan tema yang telah disediakan.

Pada tahun ini, NBD akan memfokuskan kepada tiga hak kanak-kanak yang dipetik daripada artikel CRC. Artikel pertama adalah artikel 6 mengenai hak kanak-kanak berkembang dengan sihat. Kanak-kanak juga mempunyai hak untuk dijaga dari segi kesihatan fizikal, mina dan juga emosi mereka serta untuk hidup dalam persekitaran yang sihat. Artikel kedua adalah artikel 19 iaitu hak kanak-kanak untuk dilindungi daripada semua jenis keganasan. Dan, artikel ketiga adalah artikel 29 iaitu hak untuk mendapatkan pembelajaran agar dapat memenuhi potensi diri. Melalui Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia ini dapat memfokuskan dan mencapai hak kanak-kanak dan dapat memberikan mereka masa depan yang cerah dan lebih baik.

Sambutan di Negara Brunei Darussalam

Pada 21 November, NBD akan meraikan

Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Kali Ke-16 yang akan diungkayahkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bertempat di Dewan Gadong Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan dihadiri oleh penuntut-penuntut sekolah kerajaan dan swasta.

Antara matlamat Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia diadakan adalah untuk mempromosikan perkembangan kanak-kanak secara inklusif dari segi fizikal, mental kerohanian dan juga sosial. Ia juga adalah untuk meraikan hak kanak-kanak dan secara langsung meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk sentiasa melindungi hak kanak-kanak bagi persiapan mereka pada masa hadapan.

Hari kemuncak Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia akan diadakan pada Isnin, 21 November. Warna biru adalah warna yang ditetapkan oleh UN bagi Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia. Oleh itu, penyalan lampaunya berwarna biru di Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien akan diadakan selama tiga malam berturut-turut.

Sehari sebelum Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia akan diadakan Doa Kesukuran sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia secara serentak di sekolah-sekolah ugama di seluruh NBD agar kanak-kanak sentiasa dilindungi, diberkati dan dirahmati.

Anak kita, aset negara

Kanak-kanak adalah aset negara yang sangat penting kerana mereka lah yang akan menyumbang kepada negara dan menjadi pemimpin. Maka, sangat penting untuk kita sedar bahawa dengan menjamin masa depan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama dan memerlukan masyarakat secara menyeluruh untuk melaksanakannya.

Anak adalah kurnia dan anugerah yang dianamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'alaa untuk dijaga dengan baik dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah ibarat kain putih yang suci bersih, maka ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorak dan mendidik mereka dengan didikan yang baik dan sempurna. Justeru itu, jika anak-anak itu dicorak dan dididik dengan baik, maka baiklah jadinya dan jika sebaliknya, maka akan rosak binasalah mereka.

Oleh itu, sama-sama kita berdoa semoga anak-anak kita akan membesar sebagai insan yang berjaya, soleh dan solehah, memiliki akhlak yang mulia, beriman dan bertakwa selaku insan yang sentiasa berbakti kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Semoga mereka akan sentiasa dikurniakan rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'alaa serta selamat di dunia dan di akhirat. Selamat menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia.



Jumlah pelancong antarabangsa mula meningkat

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Sektor Pelancongan di negara ini mula memperlihatkan peningkatan jumlah pelancong antarabangsa sejak sekatan perjalanan dilonggarkan secara berperingkat, khususnya selepas aktiviti rentas sempadan dibenarkan bermula Ogos lalu.

Kebanyakan hotel dan tempat penginapan pelancong serta para penyedia perkhidmatan pelancongan di negara ini mula menerima tempahan dan kunjungan, bukan sahaja daripada para penduduk tempatan, tetapi juga para pelancong asing, yang memberikan petanda industri pelancongan semakin kembali pulih ke tahap pra-pandemik.

Kadar tempahan bilik oleh para pelancong antarabangsa di 15 buah hotel terbesar di negara ini secara keseluruhannya meningkat daripada 8,271 tempahan menjadi 12,406 tempahan, iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus, dari Ogos hingga September 2022.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Royal Brunei Airlines (RB), Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid, kadar pelancong antarabangsa dijangka akan terus meningkat dengan bertambahnya frekuensi penerbangan serta penyambungan semula penerbangan-penerbangan ke

negara ini dalam beberapa bulan akan datang.

Menurutnya lagi, meskipun keadaan industri pelancongan masih belum stabil sepenuhnya, beliau menjangkakan peningkatan yang signifikan dengan adanya pembukaan sempadan di Asia Utara.

Beliau, seterusnya menekankan peranan Royal Brunei Airlines selaku syarikat penerbangan kebangsaan dalam mendukung Jabatan Kemajuan Pelancongan, dalam meningkatkan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa, yang merupakan antara komitmen utama syarikat tersebut.

Manakala bagi beberapa para penyedia perkhidmatan pelancongan yang berasaskan komuniti pula, ada yang tidak sanggup lagi menerima tempahan disebabkan permintaan yang mendadak, khususnya di penghujung tahun disebabkan oleh musim cuti persekolahan bulan Disember.

Menurut Pengurus Syarikat Antara Travel & Tours Sdn. Bhd., syarikat tersebut menerima tempahan penuh setiap hari, pada setiap minggu hingga Januari 2023 daripada para pengunjung tempatan dan antarabangsa yang majoritinya adalah para pelancong dari Malaysia, Itali, Barcelona dan Belanda.

Semasa temu bual bersama



ANTARA pelancong yang berada di negara ini.

Pelita Brunei, dua pelancong dari Republik Korea yang tiba di negara ini, iaitu Dahee Um dan Eunjoo Park, masing-masing menjelaskan, ini adalah kali pertama mereka mengunjungi Negara Brunei Darussalam.

Menurut Dahee Um, mereka melancong ke Sabah baru-baru ini dan dari sana mereka mendengar mengenai Brunei yang kaya dengan pemandangan hijau, yang indah permai dan budaya Melayu yang masih lagi dipraktikkan.

Selain itu, katanya, mereka tidak sabar untuk menetap di The Empire Brunei, di mana sebelum ini mereka hanya melihat kecantikan tempat tersebut dari internet.

"Kami akan berada di sini selama empat hari tiga malam dan apa yang kami harapkan kami dapat melawat ke tempat-tempat menarik di negara ini dan menikmati suasana percutian yang menyeronokkan," tambah Eunjoo Park.

Menurut Pengurus Syarikat Antara Travel & Tours Sdn. Bhd., para pelancong dari Republik Korea sangat mengagumi keindahan alam semula jadi, langit yang cerah dan suasana aman yang sukar didapati di negara-negara lain, termasuk di Korea sendiri.

Brunei akan menjangkakan lebih daripada 100 pelancong dari Republik Korea, di mana dua lagi penerbangan bercatar dijangka tiba hingga penghujung November ini.

Syarikat tersebut juga menyasarkan lebih banyak pasaran, seperti Jepun dan Republik Rakyat Cina di masa akan datang.

Beberapa langkah diambil oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan sejak tahun lalu ketika negara melalui Fasa Pemulihan COVID-19 dengan membuat persediaan bagi menerima kedatangan pelancong.

Antara persediaan tersebut adalah melaksanakan latihan peningkatan kemahiran dan kapasiti bagi pemandu-pemandu pelancong dan para penyedia perkhidmatan pelancongan serta pembangunan infrastruktur, seperti pemasangan papan tanda arah pelancongan, di Daerah Temburong, menaik taraf



DUA pelancong dari Republik Korea yang tiba di negara ini, iaitu Eunjoo Park dan Dahee Um (kiri dan kanan).

infrastruktur dan penyediaan papan tanda bagi mempromosikan eko-pelancongan, di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak; dan pemasangan papan-papan tanda, di Taman Peranginan Tasek Lama bagi aktiviti Birdwatching.

Menurut Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh, meskipun industri pelancongan kini mulai lega dengan kedatangan pelancong dari luar negara, usaha ke arah mempromosikan pelancongan domestik tetap

dipergiatkan bagi memastikan sumber pendapatan pelancongan yang mampan dan berdaya tahan.

Sebagai contoh, Kempen Kenali Negara Kitani (KNK) yang sedang giat dijalankan yang melibatkan aktiviti, seperti jerayawa, karnival dan Kempen KNK di media sosial bagi mempromosikan tempat-tempat pelancongan serta aktiviti-aktiviti *experiential* yang boleh dilakukan, bukan sahaja oleh para pengunjung tempatan, tetapi juga para pelancong antarabangsa.

KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19

SCAN ME

<https://bit.ly/3pmKocp>

TIDAK BAYAR CARUMAN TAP, SCP, SEBUAH SYARIKAT DIDENDA

Siaran Akbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah membuat pendakwaan ke atas Seri Legenda Sendirian Berhad atas kesalahan gagal membayar caruman pekerja dan mendaftarkan pekerja di bawah Bab 23 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 26 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan, 2009.

Pendakwaan kes telah diadakan di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan dan dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pendakwa TAP iaitu Dayang Linda binti Arman Michael Anniah dan Awang Husraime bin Hussin.

Syarikat tersebut diwakili oleh pengarah syarikat telah mengaku bersalah ke atas empat pertuduhan iaitu gagal membuat pembayaran caruman Skim TAP

dan Skim SCP dan gagal mendaftarkan pekerja ke dalam Skim TAP dan Skim SCP.

Dalam hubungan ini, Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan telah menjatuhkan hukuman denda kepada syarikat tersebut sebanyak BND5,000.

Syarikat tersebut diperintahkan untuk membayar kesemua caruman Skim TAP dan Skim SCP yang tertunggak serta dividen di mana perlu dibayar sebelum bulan Mac 2023.

Di bawah Bab 26 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 29 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan, 2009, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi BND10,000 bagi kesalahan kedua dan selanjutnya.

Dalam hal ini, bagi memastikan kesejahteraan Ahli TAP sentiasa terpelihara, TAP ingin mengingatkan majikan untuk sentiasa memastikan mereka membuat pembayaran caruman TAP dan SCP pekerja mereka sebelum 15 haribulan pada bulan berikutnya bagi mengelakkan caj lewat pembayaran menurut Akta TAP.

Dalam masa yang sama, jika ahli pekerja yang belum daftarkan ke TAP atau tidak dicarumkan TAP dan SCP, adalah dinasihatkan untuk membuat aduan ke Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382929 atau Hotline Unit Penguatkuasaan TAP menerusi talian +673 8998290 semasa waktu bekerja, melalui e-mel di ask@tap.com.bn ataupun dengan mengunjungi mananya kaunter TAP dengan membawa dokumen-dokumen yang berkaitan.

Lakastah menderma darah

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa buah lokasi, di sini.

Lokasi bagi Kempen-kempen Derma Darah tersebut adalah di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, Kuala Belait, pada Khamis, 17 November 2022, bermula 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan NBT Lexus Showroom, Gadong, anjuran Kelab Rotari Bandar Seri Begawan, pada Sabtu, 19 November 2022, bermula 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Kempen-kempen itu adalah dibukukan bagi penyertaan orang ramai.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 atau 6001 atau 6002 atau WhatsApp +673 8775745 atau +673 7375745 atau e-mel ke bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, @bloodbank.ripas.

PRESIDEN BRAZIL IKRAR LINDUNGI AMAZON PADA COP27

BUENOS AIRES, 17 Nov. - Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva yang dilantik pada Rabu berikrar pada persidangan perubahan iklim PBB COP27 di Mesir untuk melindungi hutan hujan Amazon, lapor Agensi Anadolu (AA).

Dalam lawatan pertamanya ke luar negara sejak memenangi pusingan kedua pemilihan presiden pada 30 Okt, Lula mengumumkan Brazil kini kembali ke pentas antarabangsa, menyentuh mengenai pilihan raya baru-baru ini dan implikasinya terhadap Amazon dan

"kelangsungan hidup" dunia.

"Tiada keselamatan iklim untuk dunia tanpa Amazon yang dilindungi," katanya, berjanji untuk melindungi biojisim Amazon.

Lula berkata dalam tempoh tiga tahun pertama pentadbiran semasa Presiden Jair Bolsonaro, tahap penebangan hutan meningkat 73 peratus manakala pada tahun lepas, 13,000 kilometer persegi hutan telah ditebang.

"Kami akan memperkasa badan pemeriksaan dan sistem pemantauan, yang telah dirombak sejak empat tahun lepas," katanya.

Lulu berkata beliau akan menyekat "jenayah alam sekitar"

dan mereka yang melakukan "aktiviti haram" di Amazon, mengecam aktiviti perlombongan, perkayuan dan pertanian yang menurutnya telah memberi kesan ketara ke atas cara hidup Orang Asli di rantau ini.

Beliau juga berikrar untuk menubuhkan sebuah kementerian untuk Orang Asli bagi memastikan "kelangsungan hidup, keselamatan, keamanan dan kemampuan yang bermaruah," menekankan bahawa mereka "mesti menjadi protagonis yang

memuliharanya."

Lula turut mengumumkan bahawa Jerman dan Norway akan menyokong Dana Amazon bagi membiayai langkah-langkah perlindungan alam sekitar di hutan hujan tropika terbesar itu.

"Dana hari ini berjumlah AS\$500 juta yang telah dibekukan sejak 2019 akibat kurangnya komitmen kerajaan semasa terhadap perlindungan Amazon," kata Lula.

Beliau juga akan menangani kesan global perubahan iklim dan mendesak negara maju yang kaya



untuk menunaikan ikrar mereka bagi menyediakan AS\$100 bilion setahun untuk kewangan iklim.

Dengan lebih 17 peratus daripada keseluruhan lembangan Amazon musnah akibat penebangan hutan, kemusnahan di Amazon semakin kritis.

Menurut saintis Carlos Nobre dan Thomas Lovejoy, jika 20 peratus hingga 25 peratus daripada Amazon musnah, peranannya sebagai ekosistem alam sekitar akan gagal. - ©BERNAMA

21 Palestin maut dalam kebakaran di semenanjung Gaza

GAZA, 18 Nov. - Sekurang-kurangnya 21 rakyat Palestin termasuk tujuh kanak-kanak terbunuh manakala lebih 30 lagi cedera dalam kebakaran membabitkan bangunan kediaman di Jabaliadi di Tal-Za'tar, utara Semenanjung Gaza pada Khamis, lapor Xinhua

memetik sumber keselamatan dan perubatan.

Angka korban dijangka meningkat memandangkan beberapa mangsa yang cedera berada dalam keadaan kritis, kata pengarah sebuah hospital, Salah Abu Laila.

Menurut saksi kejadian, anggota

pertahanan awam bertungkus lumus untuk mengawal kebakaran.

Kenyataan Kementerian Dalam Negeri memaklumkan, siasatan awal mendapat sejumlah besar bahan api yang disimpan di dalam bangunan itu mungkin menjadi punca kebakaran. - ©BERNAMA

Nancy Pelosi bakal lepaskan jawatan pemimpin tertinggi demokrat

WASHINGTON, 18 Nov. - Speaker Dewan Amerika Syarikat (AS), Nancy Pelosi mengumumkan pada Khamis bakal melepaskan jawatan sebagai pemimpin tertinggi Demokrat di Dewan Perwakilan, lapor Xinhua.

"Saya tidak menjadi calon untuk pemilihan semula dalam barisan kepimpinan Demokrat untuk Kongres akan datang," kata Pelosi.

Pada usia 82 tahun, Pelosi telah dipilih semula tahun ini untuk mewakili Kongres ke-12 California di Dewan di Capitol Hill.

Media AS meramalkan Republikan akan menguasai Dewan selepas pilihan raya pertengahan penggal 2022.

Republikan pada Selasa mencalonkan Ketua Minoriti Kevin McCarthy untuk menjadi speaker Dewan.

Masih belum dapat dipastikan siapa bakal mengetuai Demokrat untuk tempoh dua tahun akan datang.

Kepercayaan orang ramai terhadap Kongres mencecah paras terendah dengan hanya tujuh peratus rakyat Amerika menyatakan keyakinan terhadap Kongres, menurut tinjauan terkini Gallup. - ©BERNAMA

Pemimpin perniagaan Korea Selatan bertemu Putera Mahkota Saudi

SEOUL, 17 Nov. - Pemimpin perniagaan Korea Selatan akan bertemu Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed bin Salman di Seoul pada petang Khamis untuk membincangkan kerjasama perniagaan, termasuk pembinaan sebuah bandar mega futuristik di Arab Saudi, lapor Yonhap.

Pengerusi Eksekutif Samsung Electronics Lee Jae-yong, Pengerusi Kumpulan SK Chey Tae-won dan Pengerusi Hyundai Motor Group Euisun Chung adalah antara pemimpin perniagaan Korea Selatan yang dijadual mengadakan pertemuan dengan putera mahkota di sebuah hotel di pusat bandar Seoul.

Syarikat Korea Selatan sedang berusaha untuk mengambil

bahagian dan memenangi tawaran pembinaan projek AS\$500 bilion Arab Saudi, yang dikenali sebagai Neom, sebuah bandar moden dan mampan yang dikendalikan oleh robot dan dikuasakan oleh tenaga solar, di wilayah Tabuk di barat laut Arab Saudi.

Projek itu diumumkan oleh putera mahkota semasa persidangan pelaburan di Riyadh pada 2017.

Mohammed bin Salman, pemerintah Arab Saudi itu tiba di Seoul awal Khamis untuk lawatan dua hari.

Lawatan pertama dan kali terakhir beliau ke negara itu adalah pada Jun 2019, dan ketika itu beliau turut bertemu ketua-ketua perniagaan Korea Selatan. - ©BERNAMA

termasuk Lee dari Samsung.

Putera mahkota Arab Saudi telah berusaha untuk membentuk semula ekonomi negaranya menerusi inisiatif Wawasan 2030, termasuk projek Neom, untuk beralih daripada minyak selain meningkatkan pelaburan dan pelancongan asing.

Pada Jun, konsortium Samsung C&T Corp., unit pembinaan Kumpulan Samsung dan Hyundai Engineering & Construction Co., memenangi sebahagian kontrak gerudi dan terowong projek Neom.

Walaupun jumlah sebenar kontrak itu tidak diumumkan, ia dianggap antara projek infrastruktur pengangkutan dan utiliti terbesar di dunia. - ©BERNAMA

5 maut dalam nahtas helikopter di Mexico

BANDARAYA MEXICO, 18 Nov. - Lima anggota keselamatan maut dalam nahtas helikopter di Aguascalientes, Mexico pada Khamis, lapor Agensi Anadolu.

Mereka yang tekorban termasuk ketua polis negeri Porfirio Sanchez Mendoza.

Gabenor Teresa Jimenez Esquivel mengesahkan nahtas itu disebabkan kemalangan.

Sanchez Mendoza pernah ditahan pada Februari lalu atas tuduhan penyelesaian dan penyalahgunaan kuasa. - ©BERNAMA

Argentina, China setuju tukar mata wang

BUENOS AIRES, 16 Nov. - Argentina dan China mengumumkan pertukaran mata wang berjumlah US\$5 bilion di luar Sidang Kemuncak G20, lapor Agensi Anadolu menurut kenyataan pejabat presiden Argentina.

Presiden Alberto Fernandez menerusi Twitter berkata: "mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden China Xi Jinping".

"Kami berkongsi keyakinan untuk membina dunia lebih adil dan pembangunan merangkumi semua orang," kata beliau.

Argentina berusaha untuk melakukan pertukaran mata wang sejak beberapa bulan lalu dan menyifatkan kerjasama itu sebagai berita baik, kata Fernandez.

Menurut satu kenyataan, Menteri Ekonomi Sergio Massa mengumumkan bahawa US\$5 bilion akan membantu mengukuhkan Bank Pusat Argentina dan mata wang negara itu.

Pertemuan di Bali, Indonesia itu sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik yang terjalin antara Buenos Aires dan Beijing yang disifatkan sebagai "Tahun Persahabatan dan Kerjasama antara Argentina dan China."

Argentina mengumumkan pertukaran mata wang dengan China sebanyak US\$3 bilion pada Februari selepas Fernandez melawat China dan Argentina menyertai Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) yang bernilai berbilion dolar. - ©BERNAMA

Trump umum bertanding jawatan Presiden 2024

WASHINGTON, 16 Nov. - Bekas Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada malam Selasa mengumumkan bakal bertanding semula jawatan Presiden bagi 2024, lapor Xinhua.

"Malam ini, saya mengumumkan pencalonan saya untuk jawatan Presiden Amerika Syarikat," kata ahli Republikan itu dari pusat peranginan Mar-a-Lago di Palm Beach, Florida.

Trump, 76, memfailkan pencalonannya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Persekutuan pada Selasa.

Pengumuman itu dibuat seminggu selepas pilihan raya separuh penggal AS 2022, dengan kesemua 435 kerusi Dewan Perwakilan dan 35 kerusi anggota Senat 100 turut dipertandingkan.

Demokrat dijangka mengekalkan kawalan ke atas Senat dalam Kongres AS akan datang manakala tiada parti memenangi kerusi yang mencukupi untuk membentuk majoriti dalam Dewan Perwakilan setakat malam Selasa.

Trump berkhidmat sebagai presiden ke-45 Amerika Syarikat dari 2017 hingga 2021.

Beliau tewas kepada pencabarnya dari Demokrat Presiden Joe Biden dalam pilihan raya presiden AS 2020.

Minggu lalu Biden memaklumkan kemungkinan besar akan bertanding semula jawatan presiden dan akan membuat keputusan rasmi "awal tahun depan."

Pilihan raya presiden AS 2024 dijadual berlangsung pada 5 Nov 2024. - ©BERNAMA

NBD SERTAI 2 ACARA 1ST SEA DEAF GAMES



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 32

Temasya sukan berkenaan tambahnya, dijangka akan disertai oleh lima ahli negara (Affiliated Members) yang terdiri dari Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand serta enam ahli Negara Provisional Member, iaitu NBD; Kemboja; Republik Demokratik Rakyat Lao; Myanmar; Timor-Leste; dan

Viet Nam.

"Ini adalah penyertaan kali pertama bagi para atlet kurang pendengaran secara berkotinen pada tahap kejohanan Asia Tenggara dan ketua kontinen akan memikul tanggungjawab yang penting dalam memastikan semua perlawanan yang disertai berjalan dengan sempurna dan dalam masa yang sama kesejahteraan pegawai dan atlet adalah terpelihara,"

jelasnya.

Pengiran Mohammad Amirrizal juga mengucapkan tahniah kepada para atlet yang terpilih mewakili NBD pada kejohanan berkenaan dan seterusnya mengingatkan kepada semua atlet dan pegawai untuk menjaga nama baik negara serta mengekalkan silaturahim dalam sukan dan hindari daripada melakukan perkara yang boleh menjelaskan imej negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang

Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari;

Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Ahli-ahli Jawatankuasa

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinen Negara Brunei Darussalam Ke 1st South East Asia (SEA) Deaf Games 2022.

Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; para pegawai kanan KKBS; Yang Di-Pertua Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan; serta para ibu bapa dan penjaga.

Malaysia menjadi tuan rumah bagi edisi pertama temasya sukan berkenaan dengan mempertandingkan sebanyak empat acara sukan, iaitu Futsal, olahraga, Tenpin Bowling dan badminton yang akan berlangsung di sekitar Kuala Lumpur.

SEA Deaf Games berkennaan dikhaskan untuk warga OKP rantau ASEAN dan ia adalah program sukan yang julung kali dianjurkan dan masih baharu di peringkat ASEAN.

Kontinen NBD dijangka akan bertolak ke Kuala Lumpur pada Isnin, 21 November 2022.

KUPU SB, UBD johan Kejohanan Futsal Jemputan IPT



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyampaikan piala kepada pasukan UBD selaku johan Kategori Staf pada Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Pesta Konvo UBD 2022.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

TUNGKU LINK, Jumaat, 18 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) masing-masing muncul johan bagi Kategori Pelajar dan Kategori Staf pada Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Pesta Konvo UBD 2022 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UBD, di sini.

Sementara itu bagi Kategori Pelajar kejohanan berkenaan, naib johan disandang oleh UBD, dan Politeknik Brunei (PB) menduduki tempat ketiga.

Bagi Kategori Staf pula, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA) menduduki tempat kedua, diikuti dengan Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan di tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kefli.

Kejohanan Futsal Jemputan IPT berkenaan diadakan bagi memeriahkan lagi Pesta Konvo UBD 2022, di samping dapat memperkuuhkan silaturahim antara pengajar dengan pemain staf dan pelajar IPT yang dijemput.

Selain itu, ia juga dapat mengenal pasti pemain futsal dalam kalangan pelajar dan staf bagi mewakili universiti

masing-masing ataupun Kementerian Pendidikan bagi pertandingan nasional dan juga antarabangsa.

Dianjurkan oleh Unit Kegiatan Luar dan Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan disokong oleh Persatuan Mahasiswa Mahasiswa UBD.

Kejohanan berkenaan dipertandingkan secara liga (pusing keliling), dan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Pelajar dan Kategori Staf.

Sebanyak enam buah pasukan menyertai kejohanan berkenaan yang terdiri daripada UBD, UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB), KUPU SB, PB dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Stadium KLFA sebagai home-ground NBD bagi AMEC 2022

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



SIDANG Media mengenai penyertaan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dalam AMEC 2022, berlangsung di Dewan Theatre FABD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 November. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam akan menjadikan Stadium Kuala Lumpur (Stadium KLFA), di Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia sebagai home-ground bagi sebarang Perlawanan-perlawanan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 (AMEC 2022), yang menetapkan Brunei Darussalam sebagai pasukan tuan rumah.

Stadium KLFA dipilih sebagai stadium tuan rumah Brunei Darussalam atas dasar mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak pengajur AFF, yang memerlukan perlawanan-perlawanan AMEC 2022, dijalankan di stadium bertaraf tier 1.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Media dan Perhubungan FABD, Awang Bujang Haji Japar semasa Sidang Media mengenai penyertaan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam dalam AMEC 2022, yang berlangsung di Dewan Theatre FABD.

Keputusan ini juga dibuat memandangkan Stadium Negara Hassanal Bolkiah kini masih lagi, dalam proses penambahbaikan dan belum dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Bagi Kejohanan AMEC 2022 nanti, Brunei Darussalam ditempatkan di dalam Kumpulan 'A' dan akan berdepan dengan pasukan-pasukan dari negara Thailand, Filipina, Indonesia dan Kemboja.

Pasukan Brunei Darussalam akan berdepan dengan Thailand pada 20 Disember 2022; Filipina pada 23 Disember 2022; Indonesia pada 26 Disember 2022; dan Kemboja pada 29 Disember 2022.

Tambahan lagi, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam akan bertolak ke Kuala Lumpur, pada 12 Disember bersama 10 pegawai dan 23 pemain.

Peminat-peminat tegar bola sepak negara adalah dialu-alukan untuk hadir, bagi sama-sama menyaksikan dan memberi sokongan padu kepada pasukan kita. Tiket-tiket kemasukan boleh didapati di Stadium KLFA, namun butiran-butirannya akan dimaklumkan kemudian.

Turut hadir selaku panel pada Sidang Media tersebut, Setiausaha Agung FABD, Awang Mohd. Shahnon Mohd. Salleh; dan Pengurus Pasukan Kebangsaan Brunei, Pengiran Haji Waslimin PSJ Pengiran Haji Momin.



ePaper Pelita Brunei



MENAMPILKAN KEMAMPUAN ATLET OKP SECARA OPTIMA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 17 November. — Perkembangan sukan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melakar satu lagi sejarah khususnya dalam usaha memajukan dasar sukan untuk semua, apabila para atlet Orang Kurang Pendengaran (OKP) buat pertama kalinya akan menyertai kejohanan *multi-sports* secara berkontingen.

Ini setentunya akan membuka peluang kepada atlet OKP bagi mengembangkan potensi dan menampilkkan kemampuan mereka secara optima pada tahap kejohanan berprestij.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke 1st South East Asia (SEA) Deaf Games 2022, Kuala Lumpur, Malaysia, yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Yang Berhormat juga menyatakan, penyertaan berkenaan juga mencerminkan sebahagian daripada usaha kerajaan ke arah mendukung inklusiviti dan penyertaan sosial melalui program sukan di negara ini dan ia juga selaras dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memperkasa dan meningkatkan kualiti

hidup golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di NBD.

Yang Berhormat turut mengongsikan Pelan Tindakan OKU 2021-2024 di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, mempunyai misi 'Menaikkan Kualiti Kehidupan, Memberikan Kesaksamaan Hak dan Memperkasa OKU dan Ahli Keluarga Mereka Secara Inklusif'.

"Setentunya ini akan menjadi pengukur prestasi atlet OKP sebagai persediaan untuk menyertai kejohanan yang lebih mencabar seperti Deaflympics dan Asia Pacific Deaf Games," ujar Yang Berhormat.

Penglibatan dalam kejohanan seperti ini juga jelas Yang Berhormat akan dapat menggalakkan semangat persaingan yang tinggi, penerapan tahap profesionalisme atlet untuk lebih komited, proaktif dan berfokus serta konsisten sebagai atlet berprestasi tinggi di samping meningkatkan kedudukan OKP dalam masyarakat.

Yang Berhormat juga mengongsikan dalam mempromosi pembangunan sukan, KKBS sedang dan akan terus mengembangkan keperluan sukan sebagai jalan kepada semua peringkat atlet di

negara ini, terutamanya kemudahan khidmat profesional seperti bantuan kejurulatihan, sains sukan dan prasarana sukan dengan lebih inklusif demi mempertingkatkan lagi tahap prestasi semua peringkat atlet di negara ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, usaha pihak kerajaan berkenaan akan terus disambut dan didokong oleh masyarakat khususnya ahli keluarga yang akan menjadi pemangkin untuk mensosialisasikan golongan muda dalam bidang sukan termasuklah atlet OKP.

Yang Berhormat juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para atlet yang telah bertungkus-lumus memberikan komitmen yang tinggi dan menunjukkan disiplin yang sangat baik serta semangat juang yang tinggi untuk melayakkan diri bagi kejohanan berkenaan.

"Ucapan tahniah ini tidak lupa dirakamkan untuk para ibu bapa yang berperanan sebagai pendidik dan telah memberikan sokongan penuh, tanpa mengira masa dan titik peluh demi pembangunan anak-anak.

"Ini bukanlah perkara yang mudah. Pengorbanan para ibu bapa ini adalah kunci ke arah memenuhi impian anak-anak untuk mewakili negara dan membawa nama NBD dengan megahnya di peringkat serantau.

"Peramba / saya sukacita menyeru agar para atlet berusaha bersungguh-sungguh dalam bersaing untuk meraih pingat dan membawa kejayaan buat negara," ujar Yang Berhormat.

Walau apa pun jelas Yang Berhormat,



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap pada majlis berkenaan.

janganlah patah semangat, tetapi jadikan ia sebagai satu tanda aras dan dorongan untuk maju ke hadapan bagi meningkatkan lagi prestasi ke tahap yang lebih baik pada masa akan datang.

Mengakhiri ucappannya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut berharap dengan adanya penyertaan dalam kejohanan 1st SEA Deaf Games 2022 berkenaan, lebih banyak lagi para calon atlet yang berpotensi akan tampil ke hadapan untuk menyertai pelbagai acara sukan yang berpotensi untuk diri mereka bagi meningkatkan pool atlet yang akan dapat diketengahkan di kejohanan akan datang.

NBD sertai 2 acara 1st SEA Deaf Games 2022



BERAKAS, Khamis, 17 November. — Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai 1st SEA Deaf Games 2022 yang dijadualkan berlangsung secara rasminya di Kuala Lumpur, Malaysia bermula pada 21 hingga 27 November 2022.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 13 orang yang terdiri daripada enam atlet dan tujuh pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia (Jurubahasa), Pegawai Perhubungan, jurulatih dan kakitangan perubatan.

Dalam penganjuran sulung temasya sukan 1st SEA Deaf Games berkenaan, NBD akan menyertai dua acara sukan, iaitu Olahraga dan Tenpin Boling.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen NBD Ke 1st SEA Deaf Games 2022, Kuala Lumpur, Malaysia telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyerahan bendera negara kepada Awang Khairul Anwar bin Haji Jofari selaku Chef de Mission Kontinjen NBD Ke 1st SEA Deaf Games 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad dan seterusnya menyerahkan kepada Awang Khairul Anwar bin Haji Jofari selaku Chef de Mission Kontinjen NBD Ke 1st SEA DEAF Games 2022, Kuala Lumpur, Malaysia.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud,

selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, NBD akan menghantar tiga atlet sukan Olahraga dan tiga atlet sukan Tenpin Boling pada kejohanan berkenaan, yang pertama kali dianjurkan oleh ASEAN Deaf Sports Federation (ADSF), iaitu badan sukan antarabangsa bagi Orang Kurang Pendengaran (OKP) dan dikendalikan oleh Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf).

>> Muka 31

Tahukah Awda

TREK jaluan Bukit Markucing mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2004 dan sejak itu terus menjadi perhatian orang ramai dan pihak pengangur bagi acara-acara lasak seperti Cabaran Bukit Markucing. Taman Rekreasi Bukit Markucing terletak di kawasan Simpang 527 Kampung Belimbing dan juga boleh dilalui dari Taman Riadah Tasik Sarubing. Taman rekreasi ini berada pada ketinggian 165 meter dari aras laut yang dilengkapi dengan jalan trek laluan sejauh 3.5 kilometer dan 4.7 kilometer dan mengambil masa sekitar 50 minit hingga 60 minit untuk diterokai.

SUMBER : Satu Kampung Satu Produk.